

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

1. Apakah data kutipan sebenar (RM) bagi sembilan strategi peningkatan hasil yang dilaksanakan pada 2025, terutamanya prestasi kutipan tunggakan cukai petak disasarkan RM6 juta (50% daripada RM12 juta keseluruhan), dan apakah "variance" berbanding unjuran?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Data kutipan sebenar (RM) berjumlah RM4,782,429.17 adalah bagi lima (5) strategi peningkatan hasil yang diterima sehingga 31 Oktober 2025. Terdapat strategi yang tiada data kutipan sebenar pada tahun 2025 berikutan masih di peringkat pengenalpastian lot dan proses kerja yang dilaksanakan secara berperingkat. Status pencapaian bagi sembilan (9) strategi peningkatan hasil yang dilaksanakan pada 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

Senarai hasil yang dijangka diterima Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2025 - 2027 adalah seperti berikut:

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
1.	Melaksanakan kutipan tunggakan cukai petak sejumlah RM6 juta pada tahun 2025 (50% daripada tunggakan keseluruhan RM12 juta)	PTGPP telah menjalankan taskforce turun padang dengan mengadakan lawatan ke skim-skim strata di daerah Timur Laut bagi mengenalpasti nombor patil bagi dipadankan dengan nombor hakmilik. Usaha ini telah menunjukkan impak positif di mana tunggakan cukai petak dapat dilaksanakan serta pencerahan kepada orang awam tentang cukai petak serta perbezaannya di antara cukai taksiran, cukai tanah serta caj penyelenggaraan dapat dijelaskan. Selain itu, peringatan membayar cukai juga digiatkan di semua platform media sosial PTGPP bagi memberi kesedaran kepada orang awam. Tindakan penguatkuasaan dan perampasan juga wajar dilaksanakan sekiranya Kerajaan	Berdasarkan kepada unjuran kutipan tunggakan cukai petak untuk tahun 2025 yang berjumlah RM6 juta, setakat 29/10/2025 kutipan tunggakan cukai petak yang berjaya dikutip berjumlah RM2,438,600.07.	Kutipan Tunggakan Cukai Petak setakat 29/10/2025 adalah RM2,438,600.07. Melibatkan bayaran oleh 19,882 akaun cukai petak di Negeri Pulau Pinang.

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		Negeri serius dalam mengurangkan tunggakan cukai petak.		
2.	Cadangan Lelongan Tanah-Tanah Kerajaan, Contoh: Tanah-Tanah yang Dilucuthak di bawah Seksyen 100 KTN atau Tanah Lain Milik Kerajaan Yang Bernilai Tinggi dan Berpotensi Untuk Dilelong.	Garis Panduan Pelupusan Tanah Kerajaan secara lelongan telah dibentangkan dan diluluskan PBN. PTGPP telah memohon kesemua Pejabat Daerah untuk mengemukakan sekurang-kurangnya dua (2) hakmilik tanah untuk dicadangkan bagi tujuan lelongan.	Unjuran RM10 juta	Garis panduan lelong telah dikeluarkan pada 20 Mei 2025. Setakat ini satu.(1) kawasan telah dikenal pasti melibatkan empat (4) Lot di Daerah Timur Laut. Proses lelongan tanah-tanah ini dijangkakan dapat diselesaikan pada pertengahan tahun 2026.
3.	Semakan Proses Tukar Syarat Dan Kategori Tanah	PTGPP telah menyediakan Garis Panduan yang membolehkan pemohon mengemukakan permohonan tukar syarat secara serentak dengan permohonan perlanjutan tempoh pajakan.		Garis Panduan Kadar Premium dan Diskaun Bagi Dasar Permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan telah dikeluarkan pada 10 April 2025. Semenjak garis panduan ini diluluskan sehingga Oktober 2025, sebanyak 3 permohonan tukar syarat secara serentak telah dipertimbangkan dengan kutipan premium tukar syarat

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) * JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR * JIKA BERKAITAN
				<p>kumulatif sebanyak RM2,181,970.00 manakala kutipan premium bagi permohonan pelanjutan tempoh pegangan yang diproses bersama permohonan tukar syarat ini adalah sebanyak RM4,207,694.80.</p>
4.	<p>Semakan semula kadar lesen <i>liquor</i>.</p>	<p>Ketetapan kadar lesen <i>liquor</i> adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia dan kali terakhir pindaan kadar ini dibuat adalah pada tahun 2014 melalui Warta Kerajaan Persekutuan [P.U. (A) 163] bertarikh 20 Jun 2014.</p> <p>Jabatan Kewangan Negeri (JKN) telah mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan bertarikh 22 Januari 2025 bagi mencadangkan kadar lesen <i>liquor</i> sedia ada disemak semula</p>	<p>Anggaran kutipan lesen 2025 adalah RM1,900,000.00.</p>	<p>Pencapaian kutipan lesen setakat September 2025 adalah RM1,217,648.00.</p>

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
5.	Semakan semula kadar duti hiburan dan penambahbaikan proses kerja kutipan duti hiburan.	Cadangan kadar baharu telah diluluskan oleh MMKN pada 18 Disember 2024. Kadar baharu telah diwartakan pada 20 Mac 2025 melalui Perintah Kadar Duti Hiburan 2025 Pg. P.U.6. berkuatkuasa pada 1 Januari 2025.	Duti hiburan yang terlibat dengan semakan semula kadar adalah Kod H162804 – Cukai Tiket Permainan Hiburan , Kod H162807- Cukai Hiburan Kelab Malam dan Kod H162810- Cukai Hiburan <i>Coffee House</i> . Unjuran hasil bagi ketiga-tiga jenis duti hiburan adalah RM5,700,000.00.	Kutipan hasil bagi ketiga-tiga kod ini sehingga 31 Oktober 2025 adalah RM566,547.00. Pungutan hasil ini adalah tertakhluk kepada bilangan aktiviti hiburan yang dilaksanakan sepanjang tahun.
6.	Meningkatkan caj rawatan/ pembedahan/ jualan ubat dan perkhidmatan haiwan seperti di kadar bayaran yang telah diluluskan dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang.	JPV telah menguatkuasa caj baharu bagi caj rawatan/ pembedahan/ jualan ubat dan perkhidmatan haiwan bermula 2 Mei 2025; Bagi status semakan warta dengan pihak PUU: JPV telah menerima keputusan semakan Warta Pusat-Pusat Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang bertarikh 15 Oktober 2025 dengan No. Ruj. PUNPP 352/100/1/2/SUB/59 dan dalam proses mengangkat kertas MMK.	Unjuran Hasil 2025 bagi perkhidmatan rawatan dan jualan ubat adalah RM930,000.00 (H0272101 dan H0273806).	Pencapaian Hasil sehingga 30 September 2025 adalah RM579,338.10.

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
7.	Kajian semula kadar perkhidmatan sewaan pokok hiasan di Jabatan Taman Botani Negeri Pulau Pinang.	Surat Permohonan Kelulusan Penyelarasan Semula Kadar Perkhidmatan Sewaan Pokok Hiasan di Jabatan Taman Botani Pulau Pinang [Ruj. JTB/PP/02/085 Jld. 20 (100)] telah dihantar kepada Jabatan Kewangan Negeri pada 20 Februari 2025 untuk pertimbangan bagi kelulusan kadar perkhidmatan sewaan yang baru.	Jabatan Taman Botani Pulau Pinang telah menerima kelulusan kadar baharu perkhidmatan sewaan pokok hiasan pada 11 Mac 2025 dari pihak Jabatan Kewangan Negeri (Ruj.: JKNPP/400/3/8/7 (38). Kadar baharu berkuatkuasa mulai 1 April 2025. Untuk makluman, Unjuran Hasil Tahun 2025 ialah RM42,000.00 meliputi semua jenis perihal hasil.	Jumlah kutipan hasil perkhidmatan sewaan pokok hiasan sehingga 31 Ogos 2025 ialah RM24,396.00
8.	Cadangan kerjasama dengan pihak swasta sebagai operator / pengurus kuarters-kuarters Kerajaan Negeri.	Satu perbincangan dengan semua pemegang taruh dan agensi berkaitan berhubung cadangan bagi melaksanakan perolehan secara RFP bagi tanah Kerajaan di Lengkok Jeselton dan Kampung 18 telah diadakan pada 19 Februari 2025 bagi mendapatkan maklum balas daripada semua agensi berkaitan kesesuaian jenis pembangunan yang boleh dicadangkan dalam TOR kelak.		

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		<p>Hasil perbincangan telah memutuskan agar RFP hanya dilaksanakan bagi pembangunan tanah Kerajaan di Lengkok Jeselton sahaja manakala 1 unit kuarters (sebagai percubaan) di Kampung 18 akan dikenal pasti bagi cadangan menyewakan premis tersebut kepada pihak swasta untuk dijadikan premis komersial.</p> <p>Pihak BKP dalam proses pelantikan Ahli Jawatankuasa Penyedia RFP berdasarkan PK2.8, Pekeliling Perbendaharaan.</p> <p>Pihak BKP juga telah memohon penilaian hartanah daripada JPPH bagi mendapatkan harga pasaran sebelum kuarters-kuarters yang tidak berpenghuni di Kampung 18 tersebut boleh ditawarkan kepada syarikat luar untuk dikomersialkan.</p>		
9.	Semakan Semula Kadar Fi Hotel di Negeri Pulau Pinang	Satu sesi libat urus bersama persatuan-persatuan hotel di Pulau Pinang telah diadakan pada 21 Ogos 2025 yang dipengerusikan oleh YB Wong Hon Wai, EXCO	Anggaran - RM11,500,000	Hasil Sebenar - RM9,198,740

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		<p>Pelancongan dan Ekonomi Kreatif. Sesi tersebut turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada JKN, Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Persatuan Perhotelan serta Penang Global Tourism.</p> <p>Dalam perbincangan tersebut, pelbagai isu dan cadangan telah dibangkitkan, termasuk cadangan kadar baharu fi hotel yang dikemukakan oleh YB EXCO iaitu pada kadar tidak melebihi kadar yang dikenakan di Melaka, iaitu antara RM3 hingga RM5.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, sehingga kini pihak BKT masih menunggu kadar baharu fi hotel tersebut oleh pihak YB EXCO/BPEN (Pelancongan) serta kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Pihak BKT akan melaksanakan pindaan terhadap kadar fi hotel di bawah Undang-undang Kecil Hotel hanya</p>		

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		setelah kadar baharu tersebut dimuktamadkan dan diluluskan oleh MMKN.		

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

2. Merujuk kepada pengurangan perbelanjaan bukan berkanun OS 42000 dan OS 20000 (Perkhidmatan dan Bekalan), apakah metrik yang digunakan untuk menilai sama ada penjimatan ini telah menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam (*delivery system*) sepanjang 2025?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Kerajaan Negeri tidak melaksanakan pengurangan perbelanjaan pada tahun 2025 seperti mana yang pernah dilaksanakan pada tahun 2024. Hal ini kerana sehingga kini, Jabatan Kewangan Negeri tidak melaksanakan sekatan perbelanjaan tahun 2025 ke atas Jabatan-jabatan Negeri. Oleh itu, semua jabatan masih berbelanja berdasarkan siling kelulusan Belanjawan Tahun 2025, sekali gus tidak menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam sepanjang tahun 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

3. Apakah status terkini penilaian dan pengurusan deposit Mineral Nadir Bumi (REE) bernilai RM100 bilion, dan apakah pelan tindakan yang telah dimuktamadkan untuk memanfaatkan potensi ini bagi memperkukuhkan kedudukan fiskal negeri menjelang 2026?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Status penilaian dan pengurusan deposit elemen nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) masih sama iaitu berdasarkan kajian tinjauan awalan yang telah dilakukan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG). Negeri Pulau Pinang mempunyai deposit elemen nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di kawasan perbukitan di sekitar Teluk Bahang, Balik Pulau, Bukit Mertajam dan Bukit Panchor. Jumlah sumber teragak (*inferred resource*) NR-REE ini adalah kira-kira 1.7 juta tan metrik, dengan nilai sekitar USD 21 bilion.

Antara pelan tindakan oleh Kerajaan Negeri ialah seperti berikut:

- (a) Penyediaan draf Peraturan-Peraturan Mineral Negeri Pulau Pinang.
- (b) Kerajaan Negeri terbuka kepada mana-mana pihak yang berminat untuk meneroka REE di Pulau Pinang tertakluk kepada syarat-syarat sedia ada yang dikenakan oleh jabatan teknikal. Pihak syarikat yang berminat untuk meneroka NR-REE di Pulau Pinang telah diminta untuk

mengemukakan *request for proposal* (RFP) kepada Kerajaan Negeri.

- (c) Pemetaan sumber melalui kajian terperinci oleh JMG perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti lokasi dan potensi sebenar sumber NR-REE di Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

4. Apakah perkembangan terkini perancangan kerjasama dengan pihak swasta dalam pengurusan kuarters kerajaan yang kosong?
 - (a) Apakah peruntukan yang telah diluluskan bagi 2026 untuk membaiki 108 unit kuarters yang dilaporkan rosak?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Kuarters kerajaan yang masih kosong adalah disebabkan kerosakan *major* pada struktur atau ruangan dalaman kuarters dan sedang dalam proses untuk dibaiki secara berperingkat.

Bagi kuarters kosong yang memerlukan kos pembaikan yang tinggi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) telah mengenal pasti tiga (3) unit kuarters di Daerah Timur Laut yang mempunyai potensi untuk disewakan kepada pihak swasta menerusi kaedah *Request for Proposal* (RFP).

RFP ialah satu pendekatan kerjasama awam-swasta di mana pihak swasta terlibat akan membiayai dan menaik taraf kuarters kerajaan berkenaan untuk diduduki secara sewaan bagi tujuan komersial (lot kedai) atau pejabat operasi.

- (a) Pihak Bahagian Khidmat Pengurusan, PSUKPP telah memohon sebanyak RM3.7 juta menerusi peruntukan Pembangunan P01 bagi tahun 2026 untuk membaik pulih kuarters-kuarters yang rosak. Jumlah terkini kuarters rosak yang sedang dalam proses untuk dibaiki adalah sebanyak 67 unit.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

5. Kemajuan Paip Air 1.8m Pulau : Paip 1.8m (3.9 km) Macallum-Bukit Dumbar (RM44 juta) dijadual mula Disember 2024. Apakah peratusan kemajuan fizikal paip ini pada November 2025?
- (a) Adakah kelewatan dalam pembinaan (jika ada) akan menjejaskan keupayaan PBA menyalurkan 315 MLD air tambahan ke bahagian Pulau?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Projek Paip Air 1.8 meter (3.9 kilometer) dari Macallum ke Bukit Dumbar dengan kos anggaran RM44 juta merupakan projek keempat di bawah Pelan Kontingensi Air Pulau Pinang 2030 (Water Contingency Plan – WCP 2030) yang telah dirancang sejak tahun 2021.

Tujuan utama projek ini adalah untuk meningkatkan kapasiti penghantaran air terawat dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke kawasan Bukit Dumbar, sekali gus memperkukuh sistem bekalan air ke bahagian Pulau terutamanya di kawasan strategik yang sedang pesat membangun.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengeluarkan beberapa kenyataan media berkaitan kemajuan projek ini seperti berikut:

- (1) 17 Julai 2024 – PBAPP memaklumkan bahawa projek ini termasuk dalam empat projek utama WCP 2030 yang sedang dirancang dengan tarikh mula kerja dijadualkan pada Disember 2024.
- (2) 20 September 2024 – PBAPP menjelaskan bahawa projek paip 3.9 kilometer × 1.8 meter Macallum–Bukit Dumar bernilai RM44 juta merupakan komponen penting bagi penghantaran tambahan air terawat dari Sungai Dua ke bahagian Pulau.
- (3) 8 Januari 2025 – PBAPP mengesahkan bahawa kerja-kerja awal bagi projek tersebut akan dimulakan pada tahun 2025 selaras dengan pelaksanaan fasa baharu WCP 2030.
- (4) 26 Jun 2025 – PBAPP melaporkan bahawa projek-projek di bawah WCP 2030 termasuk paip Macallum–Bukit Dumar, sedang diteruskan mengikut keutamaan pembiayaan dan jadual pelaksanaan yang ditetapkan.

Bagi mempercepatkan pelaksanaan, projek ini telah dipecahkan kepada beberapa fasa:

(i) Fasa 1

Kontraktor telah dilantik pada 22 Oktober 2025, dan kerja-kerja pembinaan telah bermula di tapak.

(ii) Fasa 2 :

Masih dalam proses kelulusan laluan utiliti dan pengambilan tanah, yang memerlukan kerjasama daripada Kerajaan Negeri dan agensi berkepentingan. Kerja pecah tanah dijadualkan sebelum akhir tahun 2025.

- (a) Projek ini mengalami kelewatan pada peringkat awal berpunca daripada isu kelulusan teknikal dan pemilihan tapak oleh Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi berkaitan. Walau bagaimanapun, PBAPP sedang berusaha mempercepatkan proses kelulusan agar kerja-kerja pembinaan dapat diteruskan sepenuhnya.

Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2027 dan apabila siap kelak, ia akan menjadi komponen penting dalam memastikan kelestarian dan ketahanan sistem bekalan air Pulau Pinang khususnya untuk menyalurkan sehingga 315 juta liter sehari (MLD) tambahan air terawat dari tanah besar ke pulau apabila keseluruhan rangkaian WCP 2030 siap kelak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

6. Status LRA Kompak Sungai Kerian (Pelaksanaan): LRA Kompak 2.4 MLD Sungai Kerian (RM4 juta) dijangka siap Disember 2024. Adakah projek ini telah beroperasi sepenuhnya?
- (a) Sekiranya berlaku kelewatan, apakah punca utama kelewatan LRA Kompak ini yang bertujuan menyelesaikan isu air di SPS?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah memulakan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Kompak Sungai Kerian berkapasiti 6.4 juta liter sehari pada 12 Mac 2025.
- (a) Punca utama kelewatan LRA Kompak ini yang bertujuan menyelesaikan isu air di Seberang Perai Selatan (SPS) adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:
- (i) Peningkatan kapasiti daripada 2.4 juta liter sehari kepada 6.4 juta liter sehari;
- (ii) Keperluan untuk mendapatkan kelulusan teknikal daripada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebelum sambungan bekalan kuasa dapat dilaksanakan; dan

- (iii) Memastikan air terawat mencapai piawaian kualiti yang ditetapkan kerana perlu melalui beberapa peringkat saringan dan ujian sebelum penyerahan rasmi dapat dibuat

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

7. PTGPP menyasarkan kutipan tunggakan cukai petak RM6 juta (50% daripada RM12 juta) pada 2025. Apakah status kemajuan kutipan ini setakat November 2025?
- (a) Adakah tindakan penguatkuasaan dan perampasan telah dilaksanakan untuk mengurangkan tunggakan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Unjuran kutipan tunggakan cukai petak ialah sebanyak RM6 juta. Kutipan tunggakan sehingga September 2025 ialah RM2.3 juta dengan peratus *variance* ialah -61%.
- (a) Tindakan penguatkuasaan sedang dilaksanakan oleh semua Pejabat Daerah dan Tanah secara berperingkat. Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :
- (i) Pengeluaran Surat Pentadbiran dan Notis 11;
 - (ii) Pengecualian Tunggakan Denda;
 - (iii) Program Turun Padang - Lawatan ke kawasan bertumpu, sesi pertemuan dengan komuniti pemilik strata di skim-skim strata yang mempunyai tunggakan cukai petak tertinggi;

- (iv) Promosi & Hebahan - Hebahan melalui Portal PTGPP, Facebook, Instagram, TikTok rasmi serta siaran media massa; dan
- (v) Town Hall Strata - Sesi libat urus bersama komuniti strata di lokasi terpilih bagi menjelaskan isu tunggakan dan kaedah penyelesaian. Perbincangan isu-isu seperti tunggakan cukai, permohonan hakmilik strata dan sebagainya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

8. Kemukakan penyata penuh audit kewangan dan audit dalaman CMI dari 2018 hingga kini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. Peruntukan Belanja Mengurus Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dari tahun 2018 sehingga kini adalah diletakkan di bawah Aktiviti 021 (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, BPEN) dan peruntukan Pembangunan P01 dan P16 di bawah BPEN dan Jabatan Kewangan Negeri (JKN). Bagi peruntukan perbelanjaan yang melibatkan CMI, terdapat keperluan untuk kelulusan Pegawai Pengawal selaras dengan peraturan kewangan dan pekeliling sedia ada.

Sehingga kini, tiada sebarang pengauditan khusus oleh pihak Unit Audit Dalam mahupun Jabatan Audit Negara dilaksanakan ke atas peruntukan dan perbelanjaan mengurus CMI. Namun, pengauditan telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara ke atas Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperoleh Sijil Bersih dengan Pendapat Tanpa Teguran pada tahun 2018, 2019 dan 2024 dan Sijil Bersih dengan Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain pada tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023 daripada Ketua Audit Negara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

9. Bilakah PDC menjangkakan projek Hub Logistik Udara (RM997 juta) akan dilancarkan, setelah kajian kebolehlaksanaan siap pada 2023 dan kini di peringkat ulasan MAHB / MOT?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

9. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan melancarkan projek Hub Logistik Udara atau Penang International Logistics Aeropark (PILA) selepas perjanjian usaha sama antara PDC dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dimuktamadkan. Pada masa ini, perjanjian tersebut berada di peringkat akhir dan dalam proses kelulusan Lembaga Pengarah MAHB.

Anggaran kos pembangunan projek ini sedang dimuktamadkan oleh kedua-dua pihak dengan proses *value engineering/ value management* sedang dijalankan bagi memastikan kos pembangunan yang optimum.

Berdasarkan Kajian Kebolehlaksanaan (Feasibility Study) yang telah siap pada tahun 2023, PDC telah menerima kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui surat bertarikh 7 Jun 2024. Seiring dengan itu, PDC turut mengambil langkah proaktif mendapatkan semua kelulusan teknikal yang diperlukan, termasuk:

- (i) Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA);
- (ii) Penilaian Impak Trafik (TIA);

- (iii) Penilaian Impak Sosial (SIA); dan
- (iv) Pelan Kebenaran Merancang (PKM) yang telah diluluskan dengan pindaan pada 19 Ogos 2025.

Selain itu, tender bagi kerja tanah untuk keseluruhan projek PILA kini di peringkat penilaian dan dijangka dimulakan pada awal tahun 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

10. Kemukakan senarai penuh tender Perbandanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan anak syarikat dari 2020 hingga kini, termasuk nilai, maklumat syarikat, tender dibida keluar kepada syarikat lain serta pemantauan PDC terhadap perkara ini dan nilai (RM) yang dibida keluar.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

10. Maklumat tawaran tender Perbandanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dari tahun 2020 hingga suku ketiga tahun 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

MESYUARAT LEMBAGA TAWARAN PDC (A)

TAHUN 2020

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
1.	21.5.2020	PPPP/B/T13/2019	CADANGAN PERLANTIKAN PERUNDING MEKANIKA & ELEKTRIK PROFESIONAL UNTUK KELULUSAN KEPERLUAN PERALATAN KEBOMBAAN DAN AUDIT SIJIL PERAKUAN KEBOMBAAN (FIRE CERTIFICATE-FC) DI KOMTAR PULAU PINANG.	90,000.00	HASS CONSULTING ENGINEERS SDN. BHD.
2.	21.5.2020	PPPP/I/T3/2020	CADANGAN KERJA MENAMBUN TANAH SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA, DI BKIP 2, BYRAM, MUKIM 11, SPS, PULAU PINANG (FASA 1).	38,029,314.00	BAN CHEONG CONSTRUCTION SDN. BHD.
3.	21.5.2020	PPPP/I/T12/2020	PERKHIDMATAN UNTUK KERJA-KERJA MENGAWAL TRAFIK DI KAMPUNG VALDOR, SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	99,840.00	MPKK KAMPUNG VALDOR
4.	21.5.2020	PPPP/I/T7/2020	CADANGAN PERLANTIKAN PERUNDING UNTUK: PERLAKSANAAN KAJIAN PELAN INDUK SISTEM PERPARITAN DI TAMAN PERINDUSTRIAN BATU KAWAN 2 (BKIP 2), BYRAM, MUKIM 11, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	728,818.90	PERUNDING PINANG SDN. BHD.
5.	26.6.2020	PPPP/BPP/T13/2019	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 1 BLOK PANGSAPURI KOS RENDAH 13 TINGKAT DI ATAS PELOT 1 (BERSEBELAHAN LOT 2869) LORONG MAK MANDIN 5, SEKSYEN 3, BANDAR BUTTERWORTH, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG YANG TERDIRI DARIPADA (A) 4 UNIT KEDAI DAN RUANG- RUANG PERKHIDMATAN DI TINGKAT BAWAH, (B) KEMUDAHAN MASYARAKAT SEPERTI DEWAN KOMUNITI, SURAU, PEJABAT PENGURUSAN, TADIKA DAN KAWASAN REKREASI DI TINGKAT 1, (C) 187 UNIT KEDIAMAN (650 KP) DI TINGKAT 2 HINGGA 12, (D) PENCAWANG TNB, TAPAK RIBI DAN DEPO SAMPAH.	20,002,158.70	KEAN CHOON CONSTRUCTION SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
6.	24.7.2020	PPPP/SPID/T1/2020	CADANGAN PELANTIKAN PERUNDING UNTUK MENGGAJI KESEJAJAN DAN KELAYAKAN PENUBUHAN DANA AMANAH PELABURAN HARTANAH (REAL ESTATE INVESTMENT TRUST-REIT) OLEH PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG.	1,750,000.00	CIMB INVESTMENT BANK BERHAD
7.	24.9.2020	PPPP/I/T14/2020	CADANGAN KERJA-KERJA TANAH SERTA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI BATU KAWAN INDUSTRIAL PARK (BKIP), MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	6,840,330.40	PANIMEX ENGINEERING (M) SDN. BHD.
8.	20.10.2020	PPPP/I/T19/2020	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN INTERCEPTOR DRAIN DARI TAPAK PEMBANGUNAN DESIGN VILLAGE OUTLET MALL KE SAMBUNGAN PARIT MONSOON, DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 282, MUKIM 13, BATU KAWAN, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	6,097,214.74	VEKII ENTERPRISE
9.	20.10.2020	PPPP/I/T6/2020	ROAD SAFETY AUDIT FOR BATU KAWAN, BKIP 2 AND VALDOR AREA, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	362,520.00	JURUTERA PERUNDING WARISAN
10.	20.10.2020	PPPP/KEW/T2/2020	PEMBAHARUAN YURAN LANGGANAN DAN PENYELENGGARAAN PERISIAN (SOFTWARE SUPPORT) SISTEM IFCA.	3,261,382.56	IFCA MSC BERHAD
11.	20.10.2020	PPPP/B/T32/2018	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH BANGUNAN PEJABAT 2-TINGKAT DI ATAS PLOT B TANAH KERAJAAN (BERSEBELAHAN LOT 9562), PERSIARAN MAHSURI, BANDAR BAYAN BARU, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	1,204,227.49	PDC NUSABINA SDN. BHD.
12.	20.10.2020	PPPP/I/T9/2020	CADANGAN RAWATAN TANAH DI SEPANJANG LINGKARAN CASSIA TIMUR, PERSIARAN CASSIA TIMUR 1 DAN TAPAK LOJI RAWATAN KUMBAHAN 5, LOT 282, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, BATU KAWAN, PULAU PINANG.	45,929,969.50	JNH BINA SDN. BHD.
13.	27.11.2020	PPPP/KEW/T2/2020	PEMBAHARUAN YURAN LANGGANAN DAN PENYELENGGARAAN PERISIAN (SOFTWARE SUPPORT) SISTEM IFCA - KERJA MIGRASI DATA SKIM PEKA KE DALAM SISTEM IFCA.	15,052.00	IFCA MSC BERHAD

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
14.	21.12.2020	PPPP/I/T20/2020	CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIKULIH TANAH SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI BKIP 2, BYRAM, MUKIM 11, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG (FASA 1).	36,492,000.00	JNH BINA SDN. BHD.
15.	21.12.2020	PPPP/TE14/I/2018	CADANGAN KERJA - KERJA INFRASTRUKTUR DAN KERJA - KERJA BERSANGKUTAN DENGANNYA BAGI SAMBUNGAN PERSIARAN CASSIA SELATAN 6, SAMBUNGAN PERSIARAN CASSIA SELATAN 7 DAN LOGISTIC HUB DI TAMAN PERINDUSTRIAN BARAT BATU KAWAN (BKIP), BATU KAWAN KEJIRANAN 6, LOT 282, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	3,553,370.00	VEKII CONSTRUCTION SDN. BHD.
16.	21.12.2020	PPPP/B/T7/2020	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN: SEBUAH BANGUNAN KILANG PEJABAT GBS 9 TINGKAT SEBUAH BANGUNAN TEMPAT LETAK KERETA 8 TINGKAT BERSERTA PENCAWANG TNB DAN KEPERLUAN MEKANIKAL SATU UNIT DEPO SAMPAH DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 71470, KAWASAN PERINDUSTRIAN TECHNOPLEX, MEDAN BAYAN LEPAS, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG UNTUK TETUAN: PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG.	1,620,000.00	ARKITEK OA
<u>TAHUN 2021</u>					
1.	25.2.2021	PPPP/I/T24/2020	CADANGAN PEMBINAAN 'PILED EMBANKMENT' TERMASUK JALAN DAN PARIT SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI LINGKARAN CASSIA BARAT, DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 282, MUKIM 13, BATU KAWAN, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	7,657,328.76	THE ONE QS SDN. BHD.
2.	25.2.2021	PPPP/I/T8/2020	CADANGAN JALAN DAN PARIT SERTA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI ATAS LOT-LOT 686, 703, 705, 706 DAN 6648, DI UTARA SCIENCE PARK, MUKIM 13, JURU, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG. (PAKEJ 8)	9,911,392.30	MMA CONSTRUCTION & ENGINEERING SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
3.	25.2.2021	PPPP/B/T6/2020	CADANGAN PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR BAHAN BAGI PDC INNOPLEX (GBS BY THE SEA) PACKAGE 2 COMPRISING ONE MULTI STOREY OFFICE BLOCK & ONE MULTI STOREY CAR PARK 2 (MSCP 2) ON PART OF LOT 12733, KAWASAN PERINDUSTRIAN 4, BAYAN LEPAS, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	739,880.00	PERUNDING KOS BERSATU SDN. BHD.
4.	11.5.2021	PPPP/I/T10/2020	REKA DAN BINA BAGI CADANGAN MEREKABENTUK, MEMBINA, MENTAULIAHKAN, MENYELENGGARA DAN MENYERAHKAN LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN: MODUL 1 DENGAN KAPASITI 25,000PE YANG MAMPU DIPERBESARKAN UNTUK MENAMPUNG JUMLAH KAPASITI KESELURUHAN 100,000PE DI BKIP 2, BYRAM, MUKIM 11, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	15,932,295.00	WIRACITY CORPORATION SDN. BHD.
5.	11.5.2021	PPPP/I/T1/2021	CADANGAN KERJA MENAMBUN TANAH DAN RAWATAN TANAH SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI PLOT P1TP, BANDAR CASSIA, BATU KAWAN, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG (FASA 1)	14,105,036.86	BAN CHEONG CONSTRUCTION SDN. BHD.
6.	19.7.2021	PPPP/PDCSU/T6/2019	CADANGAN PENYELENGGARAAN MENYELURUH (COMPREHENSIVE MAINTENANCE) BAGI SISTEM HVAC DI BANGUNAN INNOPLEX, SME CENTRE DAN GBS@MAYANG, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG. -PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK DARI 1 NOVEMBER 2021 HINGGA 31 OKTOBER 2023	1,842,960.00	DYKIN ENGINEERING PART & SERVICES SDN. BHD.
7	19.7.2021	PPPP/PDCSU/T7/2019	CADANGAN PENYELENGGARAAN MENYELURUH (COMPREHENSIVE MAINTENANCE) BAGI SISTEM PENCEGAH KEBAKARAN DI BANGUNAN INNOPLEX, PENANG TECHNO CENTRE, SME CENTRE DAN GBS@MAYANG, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG.	468,000.00	SAGAJAYA ENTERPRISE

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
			-PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK DARI 1 NOVEMBER 2021 HINGGA 31 OKTOBER 2023.		
8.	19.7.2021	PPPP/IND/T1/2017	CADANGAN MELANJUTKAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN MENYELURUH (COMPREHENSIVE MAINTENANCE) BAGI SISTEM "HVAC" DI BANGUNAN KILANG / PEJABAT 7 TINGKAT, SEBAHAGIAN LOT 12733, KAWASAN PERINDUSTRIAN BEBAS FASA 4 (F.I.Z) MEDAN BAYAN LEPAS, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	48,770.00	DYKIN ENGINEERING PART & SERVICES SDN. BHD.
9.	19.7.2021	PPPP/PPKFS/T1/2021	CADANGAN MENAIKTARAF LAPAN (8) BUAH LIF "LOW ZONE" DAN LAPAN (8) BUAH LIF "HIGH ZONE" SEDIADA BERJENAMA MITSUBISHI DI KAWASAN MENARA KOMTAR FASA SATU, PULAU PINANG.	3,424,600.00	mitsubishi elevator Malaysia SDN. BHD.
10.	26.8.2021	PPPP/PPKFS/T1/2021	CADANGAN MENAIKTARAF LAPAN (8) BUAH LIF "LOW ZONE" DAN LAPAN (8) BUAH LIF "HIGH ZONE" SEDIADA BERJENAMA MITSUBISHI DI KAWASAN MENARA KOMTAR FASA SATU, PULAU PINANG.	3,319,661.17	MITSUBISHI ELEVATOR MALAYSIA SDN. BHD.
11.	26.8.2021	PPPP/TE24/2013	CADANGAN PEMAJUAN MENDUNGKI: 1 BLOK RUMAH PANGSA MAMPU MILIK KOS SEDERHANA (850 K.P & 1000 K.P – 26 TINGKAT (348 UNIT) TERMASUK 3 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA & 1 TINGKAT KEMUDAHAN MASYARAKAT. 1 BLOK RUMAH PANGSA KOS SEDERHANA RENDAH (700 K.P) – 25 TINGKAT (346 UNIT) TERMASUK 2 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA 1 BLOK TEMPAT LETAK KENDERAAN 7 TINGKAT & SURAU DI TINGKAT BUMBUNG. KEDAI PEJABAT 4 TINGKAT (2 UNIT) DAN KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT (5 UNIT) DI ATAS LOT-LOT 865, 866 DAN 873, MUKIM 9, DAERAH BARAT DAYA, JALAN TELUK KUMBAR, PULAU PINANG.	6,667,291.88	TEH KEAN SAI SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
12.	26.8.2021	PPPP/B/T6/2019	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN UTC KOMTAR, DI SEBAHAGIAN RUANG TINGKAT 2 DAN 3 KOMTAR, NAIKTARAF KAWASAN BERKAITAN DI TINGKAT 1, 2 & 3 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN KOMTAR, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	351,933.46	PEMBINAAN YSBT (M) SDN. BHD.
13.	26.8.2021	PPPP/B/T11/2021	LANTIKAN KONTRAKTOR SECARA RUNDINGAN TERUS BAGI CADANGAN KERJA-KERJA MENAIK TARAF 'KOMTAR WALK' DAN KERJA-KERJA BERSANGKUTAN DIATAS TANAH KERAJAAN DI HADAPAN KOMTAR DAN JALAN DR.LIM CHWEE LEONG, SEKSYEN 17, GEORGETOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG. (FASA 2)	2,138,824.82	PDC NUSABINA SDN. BHD.
14.	28.9.2021	PPPP/PDCSU/T5/2019	CADANGAN MELANJUTKAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI BANGUNAN KOMTAR FASA DUA, GBS@MAYANG BAYAN BARU, SME CENTRE, PENANG TECHNO CENTRE DAN PLOT 2A TEMPAT LETAK KERETA FIZ BAYAN LEPAS FASA IV, INNOPLEX BAYAN LEPAS FIZ PHASE IV DI PULAU PINANG. CADANGAN MELANJUTKAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI BANGUNAN KOMTAR FASA DUA, GBS@MAYANG BAYAN BARU, SME CENTRE, PENANG TECHNO CENTRE DAN PLOT 2A TEMPAT LETAK KERETA FIZ BAYAN LEPAS FASA IV, INNOPLEX BAYAN LEPAS FIZ PHASE IV DI PULAU PINANG.	1,641,694.08	SPYRUS SECURITY SERVICES SDN. BHD.
15.	28.9.2021	PPPP/B/T7/2021	LANTIKAN KONTRAKTOR SECARA RUNDINGAN TERUS BAGI CADANGAN KERJA-KERJA PENGECATAN SEMULA BAGI 18 BUAH SLAB BLOK 5 TINGKAT PROJEK PERUMAHAN BLOK C - H, I - K, N - P DAN R - W, TAMAN PELANGI PRAI, PULAU PINANG.	620,000.00	PENINSULAR HO HUP SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
16.	28.9.2021	PPPP/ICT/T2/2016	PEMBELIAN SISTEM HRMS (HUMAN RESOURCE MANAGEMENT SYSTEM) UNTUK KEGUNAAN PDC DAN PDC PREMIER HOLDINGS S/B – LANTIKAN TERUS SYARIKAT BAGI PENAMBAHBAIKAN SISTEM HRMS UNTUK MEMBOLEHKAN PERMOHONAN GANTIAN CUTI REHAT DILAKUKAN SECARA ATAS TALIAN DAN TAMBAHAN KOMPONEN BARU DALAM PAYROLL.	33,708.00	KE SDN. BHD.
17.	28.9.2021	PPPP/I/T26/2020	CADANGAN KERJA MENAMBUN TANAH DAN MEMBAIKPULIH TANAH SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI BKIP2, BYRAM, MUKIM 11, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG (FASA 1B).	51,141,862.71	PDC NUSABINA SDN. BHD.
<u>TAHUN 2022</u>					
BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
1.	24.5.2022	PPPP/KEW/T2/2020	PEMBAHARUAN YURAN LANGGANAN DAN PENYELENGGARAAN PERISIAN (SOFTWARE SUPPORT) SISTEM IFCA - LANTIKAN TERUS SYARIKAT BAGI MENAIKTARAF SISTEM IFCA KEPADA "EDGE COMPLIANCE".	91,000.00	SYARIKAT IFCA MSC BERHAD
2.	24.5.2022	PPPP/I/T6/2022	CADANGAN KERJA MENAMBUN TANAH DAN RAWATAN TANAH SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI PLOT BANDAR CASSIA TECHNOLOGY PARK (BCTP), BATU KAWAN, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG. (FASA 1)	31,771,028.62	JNH BINA SDN. BHD.
3.	24.5.2022	PPPP/I/T8/2022	CADANGAN KERJA MENAMBUN TANAH DAN RAWATAN TANAH SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI PLOT BANDAR CASSIA TECHNOLOGY PARK (BCTP), BATU KAWAN, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG. (FASA 2)	61,600,000.00	PDC NUSABINA SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
4.	24.6.2022	PPPP/B/T11/2022	CADANGAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR UNTUK CADANGAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG BAGI 20 BUAH SLAB BLOK 5 TINGKAT PROJEK PERUMAHAN BLOK C-H, I-M, N-P DAN R-W, TAMAN PELANGI PRAI, PULAU PINANG.	890,000.00	MFD SOLUTION SDN. BHD.
5.	24.6.2022	PPPP/B/T2/2022	LANTIKAN KONTRAKTOR SECARA RUNDINGAN TERUS BAGI CADANGAN KERJA UBAHSUAI, MENAIKTARAF DAN HIASAN DALAMAN PEJABAT ARAS EKSEKUTIF (CEO WING) PARAS 2 DAN KAFETERIA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN SECARA REKA DAN BINA DI BANGUNAN PDC, BANDAR BAYAN BARU, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	2,450,000.00.	PDC NUSABINA SDN. BHD.
6.	24.6.2022	PPPP/KEW/T2/2020	PEMBAHARUAN YURAN LANGGANAN DAN PENYELENGGARAAN PERISIAN (SOFTWARE SUPPORT) SISTEM IFCA - LANTIKAN TERUS SYARIKAT BAGI MENAIKTARAF SISTEM IFCA KEPADA "EDGE COMPLIANCE".	5,460.00	IFCA MSC BERHAD
7.	29.8.2022	NO. KONTRAK: PPPP/LGL/Q8/2019	CADANGAN PEMBAYARAN FI GUAMAN TAMBAHAN KEPADA TETUAN SITHAM & ASSOCIATES BAGI KHIDMAT DAN NASIHAT PERUNDANGAN KEPADA PDC DALAM MENGHADAPI TUNTUTAN BALAS OLEH ASPEN BERJUMLAH MELEBIHI RM160,000,000.00 RENTETAN DARI TUNTUTAN PDC UNTUK TUNGGAKAN BAYARAN BAGI PEMBINAAN 'JUNCTION B' (KLIM NO. 2, 3, 4 DAN 5 BERJUMLAH RM1,761,156.58).	300,000.00	TETUAN SITHAM & ASSOCIATES
8.	29.8.2022	NO. TENDER: PPPP/B/T12/2022	CADANGAN UNTUK MENDIRIKAN: I) SEBUAH BANGUNAN KILANG PEJABAT 9 TINGKAT II) SEBUAH BANGUNAN TEMPAT LETAK KERETA 6 TINGKAT BERSERTA PENCAWANG TNB DAN KEPERLUAN MEKANIKAL III) SATU UNIT DEPO SAMPAH BIASA, DEPO SAMPAH PEJABAT DAN BILIK KITAR SEMULA DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 71470, KAWASAN PERINDUSTRIAN TECHNOPLEX, MEDAN BAYAN LEPAS, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG. PACKAGE 1 PRE-WORKS, EARTHWORKS & PILING UNTUK TETUAN: PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG.	15,750,000.00	CHUAN UN CHYE (M) SDN BERHAD

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
9.	29.8.2022	NO. TENDER: PPPP/I/T12/2022	KERJA - KERJA PEMBAIKAN SAMBUNGAN JALAN VALDOR DI BATU KAWAN, PULAU PINANG.	6,477,157.16	PEMBINAAN SURENTEC SDN. BHD.
10.	29.8.2022	NO. TENDER: PPPP/B/T6/2022	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH BANGUNAN 3 TINGKAT PEJABAT DAN MAKMAL SERTA KEMUDAHAN BERKAITAN SECARA REKA DAN BINA DI ATAS TAPAK PLOT 2A, BERSEBELAHAN SANMINA PENANG DAN MINI CIRCUIT TECHNOLOGIES, TECHNOPLEX, MEDAN BAYAN LEPAS, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	1,600,000.00	SYARIKAT SUCCESS CONSTRUCTION SDN. BHD.
11.	14.10.2022	NO. TENDER: PPPP/I/T11/2022	CADANGAN RAWATAN TANAH BAGI TAPAK PEMBANGUNAN TNB PMU DI BATU KAWAN INDUSTRY PARK (BKIP), LOT 282, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, BATU KAWAN, PULAU PINANG.	7,146,637.60	PANIMEX ENGINEERING (M) SDN. BHD.
12.	14.10.2022	NO. TENDER: PPPP/I/T4(R1)/2022	CADANGAN KERJA TANAH DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA UNTUK PEMBANGUNAN LINEAR PARK, ZONE C BANDAR CASSIA, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	8,241,135.32	PEMBINAAN SURENTEC SDN. BHD.
13.	14.10.2022	NO. TENDER: PPPP/B/T6/2022	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH BANGUNAN 3 TINGKAT PEJABAT DAN MAKMAL SERTA KEMUDAHAN BERKAITAN SECARA REKA DAN BINA DI ATAS TAPAK PLOT 2A, BERSEBELAHAN SANMINA PENANG DAN MINI CIRCUIT TECHNOLOGIES, TECHNOPLEX, MEDAN BAYAN LEPAS, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	37,859,024.55	SYARIKAT SUCCESS CONSTRUCTION SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
14.	14.10.2022	NO. TENDER: PPPP/B/T3/2022	<p>CADANGAN KERJA TANAH DAN RAWATAN TANAH SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN:</p> <p>A) SEBUAH PASAR AWAM 1 TINGKAT (82 UNIT)</p> <p>B) SEBUAH KOMPLEKS MAKANAN 1 TINGKAT (32 UNIT)</p> <p>C) GERAI TERTUTUP 1 TINGKAT (20 UNIT)</p> <p>D) RUANG PENAJA TERBUKA 1 TINGKAT (78 PETAK)</p> <p>E) BILIK SERBAGUNA 1 TINGKAT (2 UNIT)</p> <p>F) SURAU 1 TINGKAT</p> <p>G) TANDAS AWAM 1 TINGKAT (2 UNIT)</p> <p>H) 2 UNIT DEPO SAMPAH DAN KITAR SEMULA 1 TINGKAT</p> <p>I) 1 UNIT PENCAWANG TNB 1 TINGKAT</p> <p>J) 1 UNIT KOLAM TAKUNGAN AIR HUJAN</p> <p>DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 282 (LOT LAMA 274), ZON 1, BANDAR CASSIA, MUKIM 13, BATU KAWAN, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.</p>	8,350,000.00	PDC NUSABINA SDN. BHD.
15.	28.11.2022	NO. TENDER: PPPP/I/T18/2022	<p>CADANGAN KERJA TANAH SERTA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 449, 450, 1564, 1565, 1566, 1572, 1573, 1576 DAN LOT-LOT 168, 169, 170, 171, 437, 439, 440, 441, 443, 803, 1401, 1557, 1558, 1559, 1560, 1561, 1562, 1563, 1574, 1816, 1817, 1818, 1819, 1820, 1821, 7574; MUKIM 12, BERSEBELAHAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BAYAN LEPAS, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN: PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG.</p>	16,559,000.00	PDC NUSABINA SDN. BHD.
16.	28.11.2022	NO. TENDER: PPPP/I/T20/2022	<p>CADANGAN KERJA TANAH DAN RAWATAN TANAH SERTA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI FASA 1 (185.14 EKAR), TIMUR BATU KAWAN (BKIP3), MUKIM 14, BUKIT TAMBUN, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.</p>	241,777,177.70	LAKSANA AMANBINA SDN. BHD.
17.	28.11.2022	NO. TENDER: PPPP/I/T19/2022	<p>CADANGAN PENYIAPAN BAKI KERJA PELEBARAN JAMBATAN BATU KAWAN SEDIAADA MERENTASI SUNGAI JEJAWI DI BATU KAWAN, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.</p>	23,000,000.00	UMECH CONSTRUCTION SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
18.	28.11.2022	NO. TENDER: PPPP/B/T14/2022	CADANGAN UNTUK MENDIRIKAN: I) SEBUAH BANGUNAN KILANG PEJABAT 9 TINGKAT II) SEBUAH BANGUNAN TEMPAT LETAK KERETA 6 TINGKAT BERSERTA PENCAWANG TNB DAN KEPERLUAN MEKANIKAL III) SATU UNIT DEPO SAMPAH BIASA, DEPO SAMPAH PEJABAT DAN BILIK KITAR SEMULA DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 71470, KAWASAN PERINDUSTRIAN TECHNOPLEX, MEDAN BAYAN LEPAS, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG. PACKAGE 2 MAIN BUILDING WORKS.	172,600,000.00	MUHIBBAH ENGINEERING (M) BERHAD
19.	28.11.2022	NO. SEBUT HARGA: PPPP/PFPT/Q13/2022	CADANGAN PELANTIKAN PERUNDING SECARA JEMPUTAN BAGI PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN LOGISTICS & DISTRIBUTION/PARK DIBATU MAUNG, SELUAS LEBIH KURANG 80 EKAR, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	650,000.00	ARUP ADVISORY SDN. BHD.
20.	28.11.2022	NO. TENDER: PPPP/PFPT/T4/2022	PERLANTIKAN JURUKUR TANAH BERLESEN BAGI KERJA-KERJA UKUR ARAS DAN BUTIRAN SERTA SEKITARNYA (SEBELUM PEWARTAAN SEKSYEN 4), SELUAS 3,101.7424 EKAR DI KAWASAN SELATAN BATU KAWAN, MUKIM 11, CHANGKAT BYRAM, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	574,942.68	HI PROGEOMATIC SDN. BHD.
TAHUN 2023					
BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
1.	27.1.2023	PPPP/B/T4/2021	CADANGAN PELANTIKAN KONTRAKTOR SECARA RUNDINGAN TERUS UNTUK PENYIAPAN KERJA –KERJA MENGGANTIKAN DUA BUAH LIF (TOTAL REPLACEMENT) SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN IBU PEJABAT PDC, BAYAN BARU, PULAU PINANG.	534,000.00	RYODEN BUILDING MACHINERY

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
2.	27.1.2023	PPPP/B/T15/2022	REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR DEVELOPMENT OF FOOD CENTRE AT TECHNOPLEX ZONE, MUKIM 12, BAYAN LEPAS, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG - PERMOHONAN PERLANJUTAN TEMPOH MASA PENYIAPAN PROJEK	998,000.00	ENT CONSTRUCTION SDN. BHD.
3.	27.1.2023	PPPP/PFPPT/Q15/2022	NO. SEBUT HARGA: PPPP/PFPPT/Q15/2022 PELANTIKAN PERUNDING BAGI PENYEDIAAN KAJIAN KEBOLEHSAANAAN (FEASIBILITY STUDY) SECARA JEMPUTAN BAGI PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN LOGISTIC/ WAREHOUSE/ DISTRIBUTION PARK/KOMERSIAL DI: I. BATU KAWAN INDUSTRIAL PARK 3 (BKIP3), BUKIT TAMBUN, MUKIM 14, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG SELUAS ANGGARAN 78 EKAR; II. DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 340 (TAPAK EKSPLO SEBERANG JAYA), MUKIM 1, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG SELUAS ANGGARAN 17 EKAR	550,000.00	ARUP ADVISORY SDN. BHD.
4.	20.3.2023	PPPP/I/T23/2022	CADANGAN KERJA PEMBINAAN 'SHORE PROTECTION', KERJA MENAMBUN TANAH DAN RAWATAN TANAH SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI PLOT UEM JETTY, LOT 282, MUKIM 13, BATU KAWAN INDUSTRIAL PARK (BKIP), SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	35,600,000.00.	CARTA INDAH SDN. BHD.
5.	20.3.2023	PPPP/I/T26/2022	CADANGAN KERJA MENAMBUN TANAH DAN 'SHORE PROTECTION' SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI BANDAR CASSIA TECHNOLOGY PARK (BCTP), FASA 5, BATU KAWAN, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	64,279,025.00	BAN CHEONG CONSTRUCTION SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
6.	20.3.2023	PPPP/PDCP/T1/2022	CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR YANG MENGANJUNGI 25 FASA PEMBANGUNAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 282 (SEBAHAGIAN LOT LAMA 274), MUKIM 13 BANDAR CASSIA, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG FASA 4 : 1 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA RENDAH 12 TINGKAT (149 UNIT); 1 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA JENIS A 14 TINGKAT (149 UNIT); 1 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA JENIS B 19 TINGKAT (222 UNIT); 5 UNIT KEDAI (LOCK UP SHOP); 1 BLOK TEMPAT LETAK KERETA & MOTOSIKAL 2 TINGKAT UNTUK TETUAN : PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG.	125,300,000.00	SYARIKAT FAJARBARU BUILDER SDN. BHD.
7.	20.3.2023	PPPP/B/T20/2022	CADANGAN MENAIKTARAF TANDAS DAN PANTRI (WING B) SERTA KERJA- KERJA YANG BERKAITAN DI PARAS 2,3 & 4 BANGUNAN PDC, PERSIARAN MAHSURI, BANDAR BAYAN BARU, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	1,457,000.00	PDC NUSABINA SDN. BHD.
8.	29.5.2023	PPPP/B/T3/2022	CADANGAN SECARA REKA DAN BINA UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN SEBUAH BANGUNAN MULTI-FUNGSI (REKREASI & TASKA) 3 TINGKAT, SERTA KEMUDAHAN LAIN YANG BERKAITAN, DI ATAS LOT 9526, PERSIARAN MAHSURI, BANDAR BAYAN BARU, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG UNTUK TETUAN PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG.	3,980,000.00	PDC NUSABINA SDN. BHD.
9.	29.5.2023	PPPP/I/T5/2023	PERLANTIKAN PERKHIDMATAN PERUNDING JURUTERA SIVIL & STRUKTUR (C&S) DAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL (M&E) BAGI: - CADANGAN KERJA RAWATAN TANAH DAN INFRASTRUKTUR SERTA LAIN-LAIN KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DI JALAN SAMBUNGAN LINGKARAN CASSIA BARAT, PERSIARAN CASSIA BARAT 1 DAN PERSIARAN CASSIA BARAT 2.	6,549,639.30	SMEC (MALAYSIA) SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
10.	29.5.2023	-	CADANGAN MELANTIK TASIK UTARA SERVICES SDN BHD (TUSSB) UNTUK MEREKABENTUK, MEMBINA, MEMAJAK DAN MENGURUSKAN SEBUAH PROJEK ASRAMA PEKERJA DI BANDAR CASSIA, BATU KAWAN, PULAU PINANG.	116,000,000.00	TASIK UTARA SERVICES SDN. BHD. (TUSSB)
11.	29.5.2023	PPPP/BPK/T1/2021	TENDER PERKHIDMATAN PERUNDING BAGI PERLAKSANAAN PROJEK BIM (BUILDING INFORMATION MODELING) UNTUK PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC) DAN ANAK-ANAK SYARIKAT YANG BERKAITAN - LANTIKAN SECARA RUNDINGAN TERUS SYARIKAT MENGENDALIKAN KURSUS PERISIAN BIM.	252,280.00	PARAMETRIC SOLUTIONS SDN. BHD. (PSSB)
12.	15.9.2023	PPPP/B/T18/2022	CADANGAN REKA DAN BINA BANGUNAN SMI YANG TERDIRI DARIPADA 6 UNIT TERES 1 TINGKAT & 4 UNIT SEMI-D 1 TINGKAT SERTA KEMUDAHAN BERKAITAN DI LOT P239, SOLOK PERINDUSTRIAN BUKIT MINYAK 1, BUKIT MINYAK INDUSTRIAL PARK, SIMPANG AMPAT SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	14,320,000.00	PDC NUSABINA SDN. BHD.
13.	15.9.2023	PPPP/BPPH/T1/2023	REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) CADANGAN PEMBAHARUAN DAN PEMULIHAN BANGUNAN HOTEL WARISAN 1926, DI ATAS LOT 1231, SEKSYEN 13, BANDARAYA GEORGE TOWN, PULAU PINANG.	28,889,760.00	JETBLUE SDN. BHD.
14.	15.9.2023	PPPP/PFPT/T3/2023	REQUEST FOR CONCEPT AND QUOTATION; LINEAR WATERFRONT DEVELOPMENT AT BAYAN LEPAS, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.	6,100,000.00	GDP ARCHITECTS SDN. BHD.
15.	2.11.2023	PPPP/B/T5(R1)/2022	PERLANTIKAN PERKHIDMATAN PERUNDING PENGURUSAN PROJEK (PMC), UNTUK PENGURUSAN PROJEK PENUTUPAN SELAMAT DAN PEMULIHAN TAPAK PELUPUSAN SAMPAH JELUTONG, TAPAK INTERIM DI PULAU BURUNG SERTA PEMBUKAAN TAPAK BAHARU BAGI PELUPUSAN SISA BUANGAN BAHAN BINAAN DAN MARINE CLAY.	6,163,142.10	NEXUS EC SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
16.	2.11.2023	PPPP/I/T7/2023	CADANGAN JALAN DAN PARIT SERTA LAIN-LAIN KERJA INFRASTRUKTUR YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI LINGKARAN CASSIA TIMUR (LCT), MUKIM 13, BATU KAWAN, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	123,523,323.23	IGNEUS SETIA SDN. BHD.
TAHUN 2024					
BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
1.	8.1.2024	PPPP/I/T6/2023	CADANGAN MEREKABENTUK, MEMBINA, MENYIAPKAN, MENYELENGGARA DAN MENYERAHKAN KEPADA IWK UNTUK KERJA MENAIKTARAF PAIP PEMBENTUNGAN DAN LAIN-LAIN KERJA BERSANGKUTAN DENGANNYA DI BATU KAWAN INDUSTRIAL PARK (BKIP), DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 282, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG (FASA 1).	19,680,000.00	ENVITECH SDN. BHD.
2.	8.1.2024	PPPP/I/T11/2023	CADANGAN RAWATAN TANAH UNTUK TAPAK PENCAWANG MASUK UTAMA (PMU) UNTUK DISERAHKAN KEPADA TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB), PLOT E (LOT-LOT 723-726), DI PENANG SCIENCE PARK NORTH MUKIM 13, JURU, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	6,882,038.50	PANIMEX ENGINEERING (M) SDN. BHD.
3.	23.02.2024	PPPP/PFPT/T5/2023	TENDER PAJAKAN LAPAN (8) PLOT TANAH DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH DAN SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	4,025,296.00	BOUSTEAD PETROLEUM MARKETING SDN. BHD.
4.	17.05.2024	PPPP/I/T3/2024	CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH INFRASTRUKTUR DAN KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN BATU KAWAN DAN BANDAR CASSIA, LOT 282, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	5,605,000.00	PEMBINAAN SURENTEC SDN. BHD.

BIL.	TARIKH MESYUARAT	NO. TENDER	TAJUK TENDER	NILAI TENDER (RM)	NAMA SYARIKAT
5.	17.05.2024	PPPP/B/T4/2024	CADANGAN KERJA-KERJA NAIKTARAF DAN UBAHSUAI HIASAN DALAMAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PARAS 2, BANGUNAN PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG.	4,790,095.00	ALPHA DESIGN & CONSTRUCTION SDN BHD
6.	19.7.2024	PPPP/I/T7/2024	CADANGAN MEREKABENTUK, MEMBINA, MENTAULIAH, MENYELENGGARA DAN MENYERAHKAN SEBUAH LOJI RAWATAN KUMBAHAN TETAP DENGAN JUMLAH KAPASITI KESELURUHAN 40,000PE TERMASUK SEBUAH PENCAWANG ELEKTRIK DI BATU KAWAN INDUSTRIAL PARK 3, MUKIM 14, BUKIT TAMBUN, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	14,591,898.00	WIRACITY CORPORATION SDN. BHD.
7.	19.7.2024	PPPP/I/T2/2024	CADANGAN PEMBINAAN TANGKI AIR BERISIPADU 45 JUTA LITER (10M GAL), TANGKI SEDUTAN, RUMAH PAM, PENCAWANG TNB DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI ATAS SEBEHAGIAN LOT 126 & 280, MUKIM 13, BATU KAWAN, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	72,655,349.10	KAPAR JAYA SDN. BHD.
8.	19.7.2024	PPPP/I/T6/2024	CADANGAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP, PEMBERSIHAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN, DI BANDAR CASSIA DAN BATU KAWAN INDUSTRIAL PARK (BKIP), MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.	4,585,000.00	PDC NUSABINA SDN. BHD.
Secara keseluruhan, pelan tindakan Kerajaan Negeri bagi mencapai semua tema **Penang2030** sedang dilaksanakan secara berfasa dan dipantau rapi. Lawatan pegawai ke Jepun dan Australia dianggap sebagai langkah sokongan strategik yang berpotensi memberi manfaat jangka panjang dalam merealisasikan matlamat **Penang2030** menjelang tahun 2030.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

13. Berapakah kadar kemiskinan yang direkodkan di Pulau Pinang?
- (a) Jelaskan perancangan Kerajaan Negeri ke arah sifar miskin pada tahun 2026.

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Sehingga 1 November 2025, bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) mengikut status Miskin Tegar, Miskin dan Terkeluar adalah seperti berikut:

Status Miskin	Jumlah KIR
Miskin Tegar	0
Miskin	11,412
Terkeluar	20,216
Jumlah Keseluruhan	31,628

Berdasarkan data eKasih bertarikh 1 November 2025, Pulau Pinang telah menunjukkan sifar kemiskinan tegar. Namun begitu, isu kemiskinan bersifat dinamik, di mana bilangan isi rumah boleh berubah pada bila-bila masa mengikut faktor seperti kehilangan pekerjaan, penyakit kronik, atau bencana. Oleh itu, sasaran sifar miskin menjelang 2026 memerlukan usaha berterusan, pendekatan menyeluruh dan kerjasama pelbagai agensi bagi memastikan kesejahteraan rakyat dapat dikekalkan secara mampan.

Bagi menangani isu ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan pelbagai inisiatif seperti:

- (i) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa *Focus Group* Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah (FGD) yang berperanan untuk melaksanakan dasar, strategi dan program kesejahteraan rakyat, serta mengenal pasti isu dan cabaran dalam pelaksanaannya di peringkat daerah.
- (ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengambil langkah tambahan yang proaktif melalui Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) di bawah JKM. Mulai 1 Januari 2025, kadar Pendapatan Per Kapita (PPK) di bawah BAES telah dinaikkan dari RM260.00 kepada RM322.00 per kapita. Setiap permohonan yang memenuhi syarat kelayakan akan dipertimbangkan dengan kadar bantuan antara RM100.00 (minimum) hingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan.
- (iii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonomi diwujudkan sebagai inisiatif dalam menoktahkan kemiskinan dengan memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang telah menjalankan perniagaan dengan pendapatan perniagaan kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Melalui Pejabat Daerah dan Tanah, bantuan peralatan diberikan bagi tujuan membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada untuk *output* yang lebih besar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan isi rumah bagi kelangsungan hidup yang lebih terjamin.
- (iv) Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin di bawah MMK Pembangunan Luar Bandar membantu golongan yang tidak berkemampuan dengan menyediakan kediaman yang selamat dan selesa serta kemudahan dan peruntukan bagi pembaikan fizikal rumah yang terjejas.

Program-program ini mencerminkan usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam usaha membantu mengurangkan kadar miskin dan miskin tegar di Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

14. Nyatakan pelan tindakan yang dirancang oleh Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri dalam memastikan Pelan Perkongsian Hasil Kerajaan Persekutuan kepada Negeri dapat direalisasikan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Dalam usaha merealisasikan perkongsian hasil yang lebih adil antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, tindakan yang diambil melibatkan penambahbaikan dasar, semakan semula kaedah agihan hasil serta pelaksanaan kajian bagi memperkukuh asas rundingan antara kedua-dua pihak.

Berikutan itu, terdapat keperluan untuk mengaktifkan Jawatankuasa Pilihan Mengenai Perhubungan Negeri dan Persekutuan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Keempat Belas. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi memperbaharui dan memperkukuh hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta telah mengenal pasti beberapa langkah utama sebagai sebahagian daripada usaha merealisasikan aspirasi tadbir urus fiskal yang lebih cekap, berkesan dan saksama.

Langkah-langkah tersebut melibatkan pembaharuan terhadap kuasa pembiayaan dan hasil, jaminan perkongsian hasil, serta 'penyamaan mendatar' dalam agihan fiskal antara negeri-negeri dan merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) **Perkongsiian hasil yang adil**, dengan sebahagian hasil cukai Persekutuan yang dijana di Pulau Pinang dikembalikan kepada negeri. Kerajaan Negeri mencadangkan sekurang-kurangnya 20% daripada hasil cukai yang dipungut diperuntukkan semula kepada negeri dalam bentuk geran tambahan atau perkongsiian hasil bagi membiayai projek pembangunan dan perkhidmatan awam yang setimpal dengan sumbangan Pulau Pinang kepada negara;
- (ii) **Penerbitan data hasil dan perbelanjaan negeri secara telus** oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan akauntabiliti dalam agihan peruntukan;
- (iii) **Pelaksanaan program penyamaan fiskal menyeluruh** melalui penubuhan *Equalisation Grant* berasaskan formula yang mengambil kira populasi, keluaran ekonomi, tahap kemiskinan dan keperluan pembangunan bagi menjamin semua negeri mempunyai sumber mencukupi untuk menyediakan perkhidmatan asas sambil mengiktiraf sumbangan besar negeri seperti Pulau Pinang kepada KDNK negara;
- (iv) **Penggunaan amalan terbaik antarabangsa**, seperti penyamaan fiskal mendatar di Australia yang ditadbir oleh Grants Commission serta pemindahan penyamaan tanpa syarat (*unconditional equalisation transfers*) di Kanada, boleh dijadikan asas dalam merangka satu mekanisme di Malaysia yang diperundangan bagi pembiayaan negeri dan disemak secara berkala supaya dapat dilaksanakan secara telus;
- (v) **Pindaan kepada undang-undang dan peraturan bagi memberikan negeri-negeri autonomi kewangan yang lebih luas**. Langkah ini hendaklah merangkumi pengembangan asas cukai yang boleh dikenakan oleh negeri, selagi dibenarkan oleh Perlembagaan. Contohnya, pindaan yang membolehkan negeri melalui undang-undang persekutuan atau pindaan perlembagaan mengenakan cukai penggunaan (*consumption tax*) atau cukai jualan (*sales tax*) peringkat dalam negeri, atau melaksanakan surcaj (yang dirangka dengan teliti dan dengan penyelarasan bersama Kerajaan Persekutuan) ke atas cukai persekutuan tertentu, serta melaras fi dan levi negeri; dan

- (vi) **Kebenaran kepada negeri untuk menerbitkan bon atau mendapatkan pinjaman pembangunan**, dalam had hutang yang berhemat, untuk mengeluarkan bon atau mendapatkan pinjaman pembangunan bagi projek infrastruktur, tertakluk kepada peraturan pendedahan (*disclosure*) dan pengurusan risiko (*risk management*) yang jelas. Kerajaan Persekutuan boleh membantu dengan menubuhkan rangka kerja jaminan atau skim pinjaman *padanan* (*matching loan schemes*) bagi projek-projek penting. Pemerksaan kewangan negeri akan mengurangkan kebergantungan yang berlebihan terhadap pemindahan (*transfers*) persekutuan serta menggalakkan inisiatif pembangunan tempatan yang lebih berkesan dan bertanggungjawab.

Cadangan-cadangan ini merupakan sebahagian daripada agenda pembaharuan yang digariskan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Negeri Pulau Pinang bagi membentuk sistem persekutuan yang lebih kukuh, saksama dan berdaya saing. Pelaksanaannya dijangka memberi manfaat bukan sahaja kepada Pulau Pinang tetapi juga kepada semua negeri di Malaysia melalui pertumbuhan yang lebih seimbang dan tadbir urus yang lebih berkesan di peringkat nasional.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

15. MBPP telah menyiapkan kajian Pelan Bandar Berdaya Saing. Adakah dokumentasi berkenaan akan diadaptasi dalam semua proses pembangunan? Jelaskan.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Pelan Induk Daya Saing Bandar (*City Competitiveness Master Plan – CCMP*) yang dirangka oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) boleh dilaksanakan dan diadaptasi dalam semua proses pembangunan yang dirancang, khususnya di kawasan pentadbiran MBPP. CCMP ini merupakan satu pelan strategik yang dirangka khusus bagi memanfaatkan kelebihan Bandar Raya George Town melalui penekanan terhadap aspek geografi, tenaga kerja, infrastruktur, saiz ekonomi, keterangkuman sosial, kelestarian bandar dan daya tahan ekonomi.

Bagi memastikan pelaksanaannya dapat diukur dengan jelas, CCMP digerakkan melalui empat (4) teras utama seperti berikut:

- (i) Memperkasa pembangunan bandar pintar dan pertumbuhan ekonomi bagi merangsang inovasi dan aktiviti ekonomi bernilai tinggi;
- (ii) Meningkatkan kualiti persekitaran binaan dan kebolehdiaman bandar melalui reka bentuk bandar yang inklusif, penyediaan perumahan mampan dan pembangunan ruang hijau;

- (iii) Memantapkan pengurusan sumber semula jadi, sumber boleh diperbaharui dan sosial bagi menjamin kelestarian jangka panjang; dan
- (iv) Mengukuhkan tadbir urus pintar melalui reformasi institusi dan pengurusan bandar yang berkesan bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan CCMP dijangka dapat memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai bandar berdaya saing di peringkat serantau, di samping menyokong agenda pembangunan mampan Negeri Pulau Pinang selaras dengan Visi Penang2030.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

16. MBPP dengan kerjasama USM telah berjaya menyiapkan kajian ilmiah berkaitan *Carbon Neutral City*. Adakah terdapat penurunan kadar karbon di bandar?
- (a) Jelaskan pencapaian bandar bebas karbon.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) telah menyiapkan Kajian Ilmiah Bandar Neutral Karbon (*Carbon Neutral City*) di bawah Pelan Tindakan Iklim Pulau Pinang (*Penang Climate Action Plan – PCAP*). Kajian tersebut menunjukkan penurunan kadar pelepasan karbon yang konsisten, khususnya dalam sektor tenaga bangunan dan pengangkutan.
- (a) Hasil kajian menunjukkan bahawa Negeri Pulau Pinang berpotensi mencapai pengurangan intensiti pelepasan Gas Rumah Kaca (*Greenhouse Gases – GHG*) sebanyak 65% menjelang 2030 dan 94% menjelang 2050 melalui pendekatan *Business as Usual (BaU)*, iaitu unjuran berdasarkan corak pembangunan dan penggunaan

tenaga semasa tanpa pelaksanaan dasar baharu. Dapatan ini membuktikan bahawa Pulau Pinang berada di landasan positif ke arah pengurangan pelepasan karbon, sekali gus berada di landasan kukuh menuju status Bandar Neutral Karbon menjelang 2050.

Pelaksanaan semula Dasar Pengasingan Sisa di Punca oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 01 Julai 2024 telah mencatatkan hasil yang positif dan menjadi antara langkah signifikan dalam merealisasikan aspirasi bandar bebas karbon. Kadar kitar semula pada tahun 2023 sebanyak 41.78% telah meningkat kepada 43.72% pada tahun 2024 dan 45.27% sehingga September 2025. Penyediaan sebanyak 148 buah pusat kitar semula di kawasan pentadbiran MBPP turut menjadi petunjuk kemajuan signifikan dalam usaha mencapai status bandar bebas karbon.

Kajian ilmiah *Carbon Neutral City* yang dilaksanakan di bawah PCAP menggambarkan usaha berterusan oleh pihak MBPP dalam memperkukuh dasar kelestarian dan menyokong visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mencapai status bandar hijau dan neutral karbon menjelang tahun 2050.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

17. Silicon Island Development telah berjaya menjalankan kerja tebus guna Pulau Selatan. Apakah perancangan pembangunan yang akan dibuat pada tahun 2026 hingga 2030 di pulau berkenaan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Silicon Island Development Sdn Bhd (SIDSB) adalah pemaju projek Pulau Silikon yang diterajui oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerja-kerja tambakan akan dilakukan dalam dua fasa iaitu 1,260 ekar dalam Fasa 1 dan baki 1,040 ekar dalam Fasa 2 menjadikan keseluruhan keluasan Pulau Silikon seluas 2,300 ekar. Sehingga akhir Oktober 2025, seluas 250 ekar telah ditambak. Kerja-kerja tambakan Fasa 1 dijadualkan untuk disiapkan pada 2030.

Berdasarkan Laporan Cadangan Pemajuan bagi Tebus Guna Tanah Pulau A, Fasa Pembangunan dijangka mengambil masa selama 25 tahun untuk disiapkan. Bagi tempoh tahun 2026 hingga 2030, beberapa pembangunan utama telah dirancang bagi merealisasikan visi Pulau Silikon sebagai hab teknologi hijau dan inovasi masa hadapan. Antaranya:

- (1) Komponen pembangunan utama yang sedang dibangunkan ialah Lebuhraya *Pan Island Link 2A* (PIL2A) sepanjang 1.5km termasuk jejambat marin sepanjang 380 meter. PIL 2A adalah laluan utama kekal ke Pulau Silikon yang mempunyai laluan empat lorong di

setiap arah dan dijangka siap serta dibuka pada Januari 2029. Ia akan menghubungkan kawasan selatan Pulau Pinang ke Pulau Silikon serta meningkatkan akses ke Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan memperkukuh jaringan mobiliti negeri;

- (2) Kerja-kerja tambakan di tapak Depoh LRT Laluan Mutiara di atas Pulau Silikon sedang rancak dilaksanakan dan dijangka diserahkan kepada pihak MRT Corp (pemilik aset LRT Laluan Mutiara) pada tahun 2026. Penyerahan tapak ini adalah langkah penting dalam penyediaan infrastruktur pengangkutan awam yang cekap dan mampan bagi menyokong pembangunan pulau ini;
- (3) *Green Tech Park (GTP)* dijangka memulakan operasi pada 2027. GTP akan menjadi nadi ekonomi utama kepada Pulau Silikon dan pemangkin kepada pertumbuhan industri bernilai tinggi. Dengan lokasi strategiknya yang berdekatan dengan Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas (*FIZ*) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, taman perindustrian ini direka bentuk mengikut piawaian tinggi *Environmental, Social and Governance (ESG)* serta amalan terbaik antarabangsa. GTP akan menempatkan sektor-sektor berimpak tinggi seperti reka bentuk litar bersepadu, pembangunan perisian, pembuatan semikonduktor, pembungkusan, peranti perubatan dan perkhidmatan perniagaan global (*GBS*) yang boleh menarik pelaburan daripada sektor penyelidikan dan pembangunan. Pulau Silikon dijangka menjana lebih 220,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2050, melengkapi ekosistem industri Negeri Pulau Pinang dan terus mengekalkan posisinya sebagai hab semikonduktor terkemuka di dunia. Di bawah fasa 1 pembangunan Pulau Silikon seluas 100 ekar dari keseluruhan 700 ekar GTP akan disiapkan lengkap dengan infrastruktur untuk beroperasi sebagai kawasan industri;
- (4) *Heart of the Island (HOTI)* dijangka memulakan operasi pada tahun 2028. Terletak di pusat komersial Pulau Silikon, HOTI bakal menjadi tarikan pelancong bertaraf dunia dengan reka bentuk *placemaking* yang unik di tepi laut. Ia akan menampilkan pelbagai tarikan seperti taman botani, dataran awam, pusat beli-belah tepi laut, institusi

pendidikan, pejabat serta hotel bertaraf antarabangsa, hab makanan dan taman tema;

- (5) Tapak loji rawatan kumbahan seluas 16.74 ekar pada ketika ini sedang diperingkat terakhir perancangan dan dijangka untuk memulakan pembinaan selewat-lewatnya pada awal 2026. Loji rawatan kumbahan ini perlu disiapkan sebelum suku pertama 2027 bagi membolehkan operasi GTP dimulakan; dan
- (6) Pada tahun 2026 dan seterusnya, kemudahan infrastruktur lain termasuk jaringan jalan raya, kemudahan utiliti termasuk pembinaan koridor utiliti, penyediaan kemudahan *smart city*, pelaksanaan lanskap dan lain-lain infrastruktur akan rancak dilaksanakan bagi menjamin Pulau Silikon dapat dibangunkan dengan lain-lain pembangunan *top-side* yang akan menyemarakkan lagi pembangunan Pulau Silikon.

Keseluruhannya, pelaksanaan komponen-komponen utama ini dari tahun 2026 hingga 2030 akan meletakkan asas kukuh bagi pembangunan Pulau Silikon bagi merealisasikan visi sebagai ekosistem pintar, mampan dan berdaya tahan yang menyokong pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan serta kesejahteraan masyarakat Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

18. Senaraikan forum, simposium, seminar, kursus, persidangan dan pameran yang diwakil oleh Ketua Jabatan dan pegawai di agensi Kerajaan Negeri sejak 2023 hingga November 2025 bersama kos terlibat.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. Terdapat sebanyak 369 forum, simposium, seminar, kursus, persidangan dan pameran yang diwakili oleh Ketua Jabatan dan pegawai di agensi Kerajaan Negeri sejak tahun 2023 hingga Oktober 2025 melibatkan kos bernilai RM5,660,496.77.

Berikut adalah ringkasan perbelanjaan mengikut Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri (BBN) bagi tahun 2023, tahun 2024 dan tahun 2025:

TAHUN	JABATAN NEGERI (RM)	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RM)	BADAN BERKANUN NEGERI (RM)	JUMLAH KESELURUHAN MENGIKUT TAHUN (RM)
2023	254,003.40	587,426.50	67,316.24	908,746.14
2024	1,009,449.41	451,537.13	28,820.27	1,489,806.81
2025	858,466.50	297,296.63	2,106,180.69	3,261,943.82
JUMLAH	2,121,919.31	1,336,260.26	2,202,317.20	5,660,496.77

Perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
JABATAN NEGERI		
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang		
1	Persidangan Antarabangsa 2nd International Conference On Dam Safety Management And Engineering (ICDSME 2023)	RM1,490.00
2	Persidangan Eighth Asia-Pacific Urban Forum (APUF-8) di Suwon, Gyeonggi- Do, Korea Selatan (23 Oktober 2023 – 25 Oktober 2023)	RM5,300.00
3	Kursus Pengukuhan Fungsi Teras Unit Integriti Sektor Awam Siri 1 Anjuran Pusat Pematuhan Pencegahan Rasuah	RM3,750.00
4	Perkhidmatan Konsultan Bagi Program SIRIM Lead Auditor Courses Iso 37001 : 2016	RM12,084.00
5	Ageing Asia 2023 World Ageing Festival di Singapura Dari 21 - 26 Mei 2023	RM23,087.50
6	Pekan Raya Sumatera Utara Kali Ke- 49 (Medan Fair) 15 hingga 16 Jun 2023	RM91,230.00
7	China International Fair for Investment Trade (CIFIT) Serta Meraikan Ulang tahun Ke-30 Jalinan Bandar Berkembar Pulau Pinang-Xiamen Di Xiamen, Republik Rakyat China Pada 5 - 9 September 2023	RM25,850.00
8	Forum Medtech 2023 Pada 6 Disember 2023 di Suntec Convention, Singapura.	RM23,852.90
Jabatan Pengairan Saliran		
9	Water Resources Forum The 30th UNESCO-IHP Regional Steering Committee for Asia And The Pacific 2023	RM450.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
10	Persidangan Tahunan Persatuan Kebangsaan bagi MANCO25 2023	RM650.00
11	Persidangan Pengurus Kanan dan Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia 2023	RM5,400.00
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang		
12	Program Latihan Penempatan Jangka Pendek Di Luar Negara (Oman) 23-29 Julai 2023	RM49,954.00
Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut		
13	Business Matching dan Seminar 2023 Oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Malaysia Serta Majlis Perasmian Pekan Raya Sumatera Utara (MEDAN FAIR) Kali Ke-49 Tahun 2023 Di Medan, Indonesia	RM5,050.00
Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang		
14	Kursus Alternative Dispute Resolution (ADR) In The Construction Industry	RM800.00
15	Asset And Project Management Conference (APMC 2023)	RM810.00
16	Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia 2023	RM2,125.00
17	Bayaran Yuran Penyertaan Kursus Lesen Kelas 'E' Bagi Kakitangan Ibu Pejabat JKR Pulau Pinang	RM2,120.00
JUMLAH PERBELANJAAN JABATAN NEGERI		RM254,003.40
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
Majlis Bandaraya Seberang Perai		
18	2023 Green Hydrogen Global Forum	RM270.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
19	Forum Hebahan Garis Panduan Perancang Electric Vehicle Charging Bay (GPP EVCB) Dan Prosedur Permohonan Pemajuan	RM1,164.00
20	Forum Industri Dalam Construction 4.0 Dan Lawatan Teknikal	RM800.00
21	Forum Pemerkasaan Pesuruhjaya Bangunan (COB) Di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2023	RM1,614.40
22	Forum Persidangan Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan Sabah 2023	RM5,772.00
23	Persidangan Malaysia Urban Forum 2023 (MUF2023)	RM16,353.60
24	World Cities Summit (WCS Mayors Forum And The 6th WeGO General Assembly (Seoul, Korea)	RM21,967.73
25	Simposium Penilaian Impak Sosial (SIA) 2023	RM6,187.00
26	Geotechnical Engineering Seminar 2023 - Invitation Of Collaboration 2023	RM800.00
27	Seminar Kewangan Dan Pengauditan Sektor Awam (SKPSA) 2023	RM4,794.80
28	Seminar Pengurusan Kewangan Dan Pelaksanaan Penguatkuasaan Bagi Tunggakan Caj Penyelenggaraan Dan Caruman Kumpulan Wang Penjelas Mengikut Akta Pengurusan Strata	RM1,452.00
29	Seminar Penubuhan Perbadanan Pengurusan Subsidiari (SUBMC) Mengikut Akta Pengurusan Strata (Akta757) Akta 2013	RM1,729.00
30	Seminar Pihak Berkuasa Tempatan: Pengukuhan Dan Peningkatan Hasil PBT	RM3,444.00
31	Seminar Town Planning Legislation And Procedure	RM350.00
32	UTEM Finance Seminar (UFIS 3.0) Dasar Dan Cabaran Pelaksanaan Pendigitalan Kewangan	RM1,600.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
33	Kursus Animal Behavior And Welfare Day 2023	RM150.00
34	Kursus Asas Juruaudit Dalam	RM1,860.00
35	Kursus Asas Juruaudit Pada 7 Hingga 9 November 2023	RM1,860.00
36	Kursus Asas Polis Bantuan	RM35,854.00
37	Kursus Dan Bengkel Kemahiran Penggunaan Buluh	RM3,400.00
38	Kursus Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak Di Premis Makanan Di Kawasan PBT Tahun 2023 Zon Utara	RM1,291.50
39	Kursus Landconversion And Cost Understanding Real Property Gain Tax	RM1,479.00
40	Kursus Masterclass Penyediaan Blueprint Dan Pelan Tindakan Bandar Pintar 2023	RM1,599.00
41	Kursus Open Source Intelligence (OSINT)	RM464.00
42	Kursus Pelaksanaan Kajian Impak Latihan: Penyediaan Pelan Tindakan Latihan Pengurusan Program Secara Dalam Talian	RM780.00
43	Kursus Pengendalian Kenderaan 4x4	RM1,920.00
44	Kursus Pengurusan Harta/Aset Berkesan Dan Berstrategik Di Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia	RM3,776.00
45	Kursus Pengurusan Pelanggan	RM20,541.00
46	Kursus Pengurusan Pokok Ameniti Arborikultur Putrajaya	RM4,750.00
47	Kursus Pentadbiran Pangkalan Data Oracle 12c	RM23,768.00
48	Kursus Penutupan Selamat Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	RM2,872.50

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
49	Ahli Panel Dalam Forum Persidangan Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan Sabah 2023	RM5,772.00
50	Persidangan Malaysia Urban Forum 2023 (MUF2023)	RM16,353.60
51	Persidangan Nasional Undang-Undang Kerajaan Tempatan 2023	RM14,621.00
52	Persidangan Pegawai Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan Se-Malaysia Bagi Penggal Ke-2 Tahun 2023	RM1,422.00
53	Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri ke London, United Kingdom dan Dusseldorf, Germany pada 24 hingga 29 April 2023 (Kerajaan Negeri Pulau Pinang)	RM64,923.00
54	CITYNET SDG Leadership Program: City Benchmarking on Public Private Partnership (PPP) for Sustainable Development Goals pada 23 hingga 25 Mei 2023 di Seoul, Korea (CityNet Secretariat bersama Seoul Metropolitan Government)	RM30,278.68
55	The United Nation Habitat Assembly pada 5 hingga 9 Jun 2023 di Nairobi, Kenya (United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat))	RM91,880.00
56	Daring Cities 2023 Dialogues and ICLEI GexCom Meeting pada 11 hingga 13 Jun 2023 di Bonn, Germany (ICLEI World Secretariat)	RM56,252.15
57	Invitation to the World Smart Sustainable Cities Organization (WeGO) NIA Annual Joint Training Course 2023 pada 24 hingga 28 Julai 2023 di Seoul, Korea (World Smart Sustainable Cities Organization (WeGO), Singapore's Centre for Liveable Cities and the Urban Redevelopment Authority)	RM26,729.30
58	Invitation to the ASEAN Mayors Forum (AMF) 2023 di Jakarta, Indonesia pada 1 hingga 2 Ogos 2023 (United Cities and Local Governments Asia Pacific (UCLG ASPAC) /ASEAN Mayors Forum (AMF) Secretariat)	RM5,344.80

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
59	World Cities Summit (WCS) Mayors Forum and 6th WeGO General Assembly pada 24 hingga 26 September 2023 di Seoul, Korea (World Smart Sustainable Cities Organization (WeGO), Singapore's Centre for Liveable Cities and the Urban Redevelopment Authority)	RM19,222.73
60	Global Observance of the World Habitat Day 'Resilient Urban Economics, Cities as Drivers of Growth and Recovery' pada 2 Oktober 2023 di City of Baku, Azerbaijan (United Nations Humans Settlements Programme (UN-Habitat))	RM5,518.67
61	Training on "Building Urban Climate Resilience through Ecosystem Based Adaptation" pada 25 Oktober 2023 hingga 1 November 2023 di Gangwon State, Republic of Korea (International Urban Training Center (IUTC) and United Nations Humans Settlements Programme (UN-Habitat))	RM4,795.00
62	Global Observance of the World Cities Day 'Financing Sustainable Urban Future for All' pada 31 Oktober 2023 di Uskudar Istanbul, Turkiye (United Nations Humans Settlements Programme (UN-Habitat))	RM650.00
63	Wetland Conservation and Management Training pada 13 – 17 November 2023 di Hong Kong (WWF Hong Kong)	RM500.00
64	Sustainable Cities Challenge City Academy 14 - 15 November 2023 di Dallas, Texas, USA Toyota Mobility Foundation (TMF)	RM5,419.36
65	The Launch of Bangkok Food Policy 2023-2027 pada 27-29 November 2023 di Bangkok, Thailand (Milan Urban Food Policy Pact (MUFPP) dan Bangkok Metropolitan Administration (BMA))	RM200.00
Majlis Bandaraya Pulau Pinang		
66	CPR Training- Give Back To Society	RM300.00
67	Liabilities For Communication Of Advice, Opinion And Information For Property Industry Professional	RM149.00
68	Tree Work At Height Workshop	RM1,200.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
69	Code Of Ethics/Regulations	RM636.00
70	GBIFC #50 Webinar	RM1,040.00
71	Seminar : 'Bandar Rendah Karbon Memacu Malaysia MADANI'	RM444.00
72	MIPFM CPD Seminar Series 2023 In Penang	RM371.00
73	Kursus Arboris Day Out 2023	RM488.00
74	KL BIM DAY 2023 - Building Information Modelling	RM954.00
75	Persidangan Sukses Wanita 2023	RM3,922.00
76	Kuala Lumpur Architecture Festival - DATUM : KL 2023	RM2,332.00
77	International Green Build Conference 2023 : Realising Low Carbon Real Estate	RM1,047.28
78	WMAM Annual Conference : Green Technology & Circular Economy For Sustainable Future	RM3,180.00
79	Penang Teaching Conference For General Practitioners	RM1,908.00
80	Persidangan Antarabangsa 16th International Federation Of Environment Health World Congress 2022 (WCEH2022)	RM1,170.00
81	Konvensyen Perundangan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia	RM250.00
82	Geotechnical Engineering Seminar 2024	RM1,000.00
83	2nd Annual Slope Engineering Summit	RM5,294.70
84	ASEAN Valuers Association : 25th Ava Congress 2023	RM1,060.00
85	Persidangan Nasional Undang-Undang Kerajaan Tempatan 2023	RM1,696.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
86	Konvensyen Pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia 2023	RM1,500.00
87	Termites Associated With Structures And Trees Workshop	RM2,544.00
88	Autodesk Autocad Essential Training - Advance	RM3,816.00
89	Simposium Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan - SIA	RM424.00
90	Asia For Conference 2023 - Education And Engagement Bring Change	RM938.00
91	Persidangan Saintifik Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023	RM500.00
92	Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan Ke-9 (NGIS KE-9)	RM900.00
93	9th Annual Conference & Exhibition Smart Cities Asia 2023	RM6,042.00
94	Environmental, Social And Governance & Carbon Neutral Forum And Focus Group Discussion	RM12,480.00
95	2nd Annual Slope Engineering Summit	RM5,294.70
JUMLAH PERBELANJAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN		RM587,426.50

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2023	KOS PERBELANJAAN (RM)
BADAN BERKANUN NEGERI		
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang		
96	Program Medan Fair 2023 (14 Jun-18 Julai 2023)	RM57,056.24
Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang		
97	Annual Conference Singapore (ICOM- CECA 2023)	RM10,260.00
JUMLAH PERBELANJAAN BADAN BERKANUN NEGERI		RM67,316.24
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN TAHUN 2023		RM908,746.14

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
JABATAN NEGERI		
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang		
1	Program Johor Planning Conference (JPC)	RM750.00
2	Conference : Leading Self For Transformational Growth (LSTG) 2024	RM1,300.00
3	Program Rise To The Challenge : Drive To Thrive	RM1,404.00
4	Program Leading With Culture Intelligence	RM1,080.00
5	Asia Pacific Ministerial Conference on Disaster Risk Reduction (APMCDRR) 2024 pada 14 Hingga 18 Oktober di Manila, Filipina.	RM9,200.00
6	Seminar Akta Pengambilan Tanah 1960: Isu dan Tatacara	RM800.00
7	Kursus Software Testing Workshop di Digital Penang pada 4 Oktober 2024 (Jumaat)	RM600.00
8	Certified Network Engineer For IPV6 (CNE6) Silver Pada 4 hingga 7 November 2024 di Multimedia University, Cyberjaya	RM8,280.00
9	Persidangan Setiausaha-Setiausaha Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Se-Malaysia di Sabah	RM1,052.00
10	Persidangan Speaker-Speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Se-Malaysia di Sarawak	RM5,114.08
11	3rd CPA Conference on Artificial Intelligence and Disinformation: 'Democracy in the age of deepfakes' di Singapura	RM2,746.23

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
12	Persatuan Parlimen Komanwel Cawangan Pulau Pinang ke 67th Commonwealth Parliamentary Conference di Sydney, Australia	RM40,100.00
13	Kursus Pengukuhan Fungsi Teras Unit Integriti Sektor Awam Siri 1	RM3,000.00
14	Penang Roadshow to India (PRTI) 13 - 24 Januari 2024	RM51,700.00
15	Arabian Travel Mart (ATM) Dubai dari 5 - 8 Mei 2024	RM24,482.00
16	Program Russia Halal Expo 2024 Bersempena 15th International Economic Forum "Russia – Islamic World:Kazan Forum 2024 pada 14 - 19 Mei 2024	RM60,000.00
17	International Races Hong Kong, China 13 - 17 Jun 2024	RM15,865.00
18	2024 Liaison Meeting for Sister Cities di Hainan, China 15 - 18 Julai 2024	RM8,860.00
19	Penang Roadshow di Chongqing pada 18 September 2024 iaitu yang telah diadakan di Grandballroom, Wyndham Grand Plaza Royale Huayu, Chongqing	RM16,214.00
20	Persidangan The Twelfth Session of World Urban Forum (WUF12), Cairo, Mesir dan Lawatan Teknikal ke Istanbul, Turki dari 30 Oktober sehingga 9 November 2024	RM344,185.60
21	Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia Tahun 2024 (MAHA 2024) pada 11 hingga 12 September 2024	RM381,719.00
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang		
22	Persidangan Pengurus Kanan dan Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia 2024	RM5,400.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
23	Persidangan Tahunan Persatuan MANCO26 2024	RM1,400.00
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang		
24	Kursus Kehakiman Di Pusat Latihan Kehakiman Negara Mesir 24 Mei – 10 Jun 2024	RM14,355.00
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang		
25	Simposium Latihan Islam Kebangsaan 2024	RM500.00
26	Seminar Pemerkasaan Kompetensi Falak 2024	RM600.00
Jabatan Kerja Raya		
27	Program CPD - Constructive Solutions : Exploring ADR In The Construction Industry With Insights Into Construction Industry Related Statutory Developments	RM1,950.00
28	Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia 2024	RM1,092.50
29	Persidangan 12th Malaysian Road Conference & Exhibition 2024 And 5th International Road Federation Global Asia-Pacific Regional Congress	RM5,700.00
JUMLAH PERBELANJAAN JABATAN NEGERI		RM1,009,449.41
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
Majlis Bandaraya Seberang Perai		
30	2024 Carbon Peak And Carbon Neutrality Forum And Shenzhen International Low Carbon City Forum	RM3,100.50

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
31	ASEAN-China Cooperation And Development Forum On Building, Housing And Urban Development	RM1,892.00
32	Forum : Healthy City Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS)	RM1,338.30
33	Forum Bandar Pintar: Sesi Tech-In Penarafan Bandar Tahap 2: Developing Smart City Tahun 2024	RM1,249.00
34	Malaysian Technical Standards Forum Bhd (MTSFB) - Pembangunan Kod-Kod Teknik Berkenaan Fasiliti Rangkaian Talian Tetap	RM695.00
35	The 12th Session Of The World Urban Forum (WUF12)	RM30,263.40
36	EHOM International Seminar On Environmental Health 2024 (3rd EISEH 2024)	RM1,717.08
37	Geotechnical Engineering Seminar 2024	RM600.00
38	PlanMalaysia GIS Seminar	RM2,905.50
39	Seminar Bandar Pintar: Transformasi Bandar Alaf Baharu	RM1,023.00
40	Seminar Jalan Bandar @ Penang 2024	RM2,600.00
41	Seminar Kebangsaan Audit Dalam 2024 - Memantapkan Prestasi Dan Keberkesanan Audit Dalam Melalui Pendigitalan Audit	RM3,845.00
42	Seminar Pemantapan Aset Dan Perakaunan Aset Berkanun Dan PBT	RM1,000.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
43	Seminar Pemantapan Pelaporan Aset Dan Perakaunan Aset Badan Berkanun Dan Pihak Berkuasa Tempatan	RM3,425.00
44	Seminar Pengurusan Kenderaan Terbiar Pihak Berkuasa Tempatan	RM2,224.00
45	Seminar Pengurusan Strata Tahun 2024	RM1,542.48
46	Seminar Penyelidikan Landskap 2024	RM492.00
47	Seminar Perolehan Bebas Rasuah Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024	RM1,170.50
48	Seminar Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia: Pengukuhan Dan Peningkatan Hasil PBT Siri 2.0	RM3,957.00
49	Seminar Poket Ilmu Strata Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Tahun 2024	RM600.00
50	Seminar Reclamation- Evaluation, Challenges, Sustainability	RM150.00
51	Seminar Tatakelola, Integriti Dan Antirasuah Sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Melaka Bagi Tahun 2024	RM4,232.00
52	The 44th Executive Committee Meeting, 3rd SDG City Awards Ceremony And International Seminar	RM13,734.50
53	Kursus Aplikasi GIS	RM2,112.00
54	Kursus Asas Hortikultur (Pembiakan Serta Pengurusan Penyakit Dan Perosak Tanaman Landskap Secara Sistemik)	RM621.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
55	Kursus Asas Pendakwaan Berkesan	RM1,097.00
56	Kursus Business Digital Transformation And Strategic Planning	RM8,763.48
57	Kursus DATUM: Green, Datum: Plus Dan Datum: KI	RM6,410.00
58	Kursus ESC (Environmental, Social And Governance) Audit For Internal Auditors	RM800.00
59	Kursus Fire Risk Management For Business Continuity	RM7,320.00
60	Kursus Kawalan Dokumen Rahsia Rasmi Siri 3/2024	RM11,680.00
61	Kursus Keselamatan Dan Penjagaan Peralatan Permainan Kanak-Kanak (Playground Safety And Maintenance)	RM600.00
62	Kursus Kompetensi Pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan	RM2,552.50
63	Kursus Kompetensi Penilaian Impak Sosial (SIA) - Pemeriksaan Laporan SIA Berkompetensi	RM1,290.00
64	Kursus Lumion Dan Sketch Up	RM1,035.00
65	Kursus Master Gardener - Modul 3 : Asas Inventori Dan Pemeriksaan Pokok Ameniti	RM612.00
66	Kursus Master Gardener - Modul 4 : Pemangkasan Pokok Ameniti Dan Penyelenggaraan Mesin	RM612.00
67	Kursus Pemantapan Pengurusan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Zon Utara	RM1,152.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
68	Kursus Pemantapan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan	RM1,620.00
69	Kursus Pembangunan Kerjaya Pembantu Penilaian (KPSL)	RM100.00
70	Kursus Pengurusan Fasiliti Dan Penyelenggaraan Bangunan	RM400.00
71	Kursus Pengurusan Risiko Di Tempat Kerja	RM1,140.00
72	Kursus Penilaian Loji Dan Jentera	RM7,080.00
73	Kursus Penilaian Risiko Pelan Tindakan Pencegahan Dan Garis Panduan Kawalan Nyamuk	RM1,314.00
74	Kursus Penyediaan Kertas Kerja Berstrategik Bagi Pelaksanaan Penilaian Semula/Semasa Di Pihak Berkuasa Tempatan	RM4,055.00
75	Kursus Penyelenggaraan Jalan Dan Anggaran Kos	RM600.00
76	Kursus Penyeliaan Dan Pengawasan Pembinaan Projek Jalan	RM1,877.00
77	Kursus Perolehan Dan Perundangan Kontrak Kerajaan	RM400.00
78	Kursus Perolehan Perunding Dalam Kerajaan Secara Dalam Talian	RM150.00
79	Kursus Protokol Pengurusan Majlis Dan Etiket Sosial	RM3,358.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
80	Kursus Public Health Roles In Achieving The SDGs	RM5,528.12
81	Kursus Strategi Pelaksanaan Penilaian Semula Di Pihak Berkuasa Tempatan	RM877.72
82	Kursus Tatacara Operasi Piawai Pengendalian Siasatan Dan Penyediaan Kertas Siasatan	RM2,090.00
83	Kursus Tatacara Perundangan Notis Lot Berjiran	RM2,160.00
84	Kursus Teknik Pembersihan Bangunan Dan Pejabat Sesi 1	RM4,401.00
85	Kursus Teknik Pembersihan Bangunan Dan Pejabat Sesi 2	RM4,401.00
86	Kursus The Art Science Of Property Valuation	RM3,122.00
87	Kursus Update Teknikal Kawalan Kebersihan Dan Keselamatan Makanan Di Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024 (Zon Semenanjung)	RM1,406.00
88	Persidangan Antarabangsa Alor Setar Liveable City Conference 2024	RM1,555.00
89	Persidangan Antarabangsa World Class Sustainable Cities Ke 15 (WCSC 2024)	RM3,391.00
90	Persidangan Kesihatan Persekitaran Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia (SHKPS) Peringkat KPKT	RM2,326.00
91	Persidangan Pegawai Tadbir Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia	RM3,020.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
92	Persidangan Tahunan Persatuan Polis Bantuan Malaysia (MAPA)	RM1,502.00
93	Konvensyen Amalan Terbaik Dan Pameran Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia	RM270.00
94	VIP Buyer Invitation to InnoEX pada 13 hingga 16 April 2024 di Hong Kong Convention Exhibition Centre (Hong Kong Trade Development Council (HKTDC) Hong Kong Special Administrative Region (HKSAR)	RM20,789.72
95	Invitation to Speak at Smart City Leader's Talk During World Summit on the Information Society (WSIS) Forum Geneva dan Lawatan Kerja ke Bern, pada 27 hingga 31 Mei 2024 di Switzerland (World Smart Sustainable Cities Organization (WeGO) Global Cities Hub)	RM73,738.56
96	The 9 th World Cities Summit (WCS) and WCS Mayors Forum "Liveable and Sustainable Cities: Rejuvenate, Reinvent, Reimagine" pada 2 hingga 4 Jun 2024 di Singapura (Singapore's Centre for Liveable Cities and the Urban Redevelopment Authority)	RM8,464.00
97	Program Strengthening Socdem Asia Pacific Capacities on the Sustainable Development Goals (SDGS) Democratic Action Party Learning Exchange Visit di Copenhagen dan Benchmarking Visit di Sweden, Denmark pada 18 hingga 26 Ogos 2024 (The Network for Social Democracy in Asia (Socdem Asia) and the Social Democratic Party of Denmark (SDP))	RM21,614.00
98	IMT-GT GCMC GC 19-21 Aug 2024, Hat Yai, Songkhla, Thailand (Hat Yai City Municipality & IMT-GT)	RM3,671.12
99	Persidangan "Tongxin Yuecheng" ke-7 di China 13 -16 September 2024 (One Belt One Road South East Asian NGOs Alliance (OBORSEANA) dan Daerah Yuecheng)	RM14,464.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
100	WeGO Executive Committee (EXCOM) Meeting 2024 di Almaty City, Kazakhstan pada 19 – 21 September 2024 (World Smart Sustainable Cities Organization (WeGO) dan Almaty City)	RM17,050.30
101	Smart City Expo World Congress Hangzhou 25 -29 September 2024 (Anjuran Tomorrow City dengan Kerjasama Hangzhou City Administration, China)	RM5,776.00
102	Global Climate Action Partnership (GCAP): Brazil 2024 Conference Workshop pada 30 September hingga 4 Oktober 2024 di Brazil (Global Climate Action Partnership (GCAP))	RM1,250.00
103	World Smart Sustainable Cities Organization (WeGO) NIA Annual Joint Training Course 2024 pada 8 hingga 11 Oktober 2024 di Seoul, Korea (World Smart Sustainable Cities Organization (WeGO))	RM12,403.20
104	Invitation to Attend the Electric Vehicle Charging Infrastructure: Global Modelling Approaches Workshop pada 22 hingga 24 Oktober 2024 di Sepanyol (The Clean Energy Ministerial (CEM))	RM1,250.00
105	Invitation to Attend 2024 Carbon Peak and Carbon Neutrality Forum and Shenzhen International Low Carbon City Forum pada 28 Oktober 2024 hingga 30 Oktober 2024 di Shenzhen, China (ICLEI)	RM1,133.00
106	The 12th Session of the World Urban Forum (WUF12) di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Kaherah, Republik Arab, Mesir pada 4 hingga 8 November 2024 (United Nations Human Settlements Programme (UN- Habitat))	RM35,505.55

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
107	World Smart Sustainable Cities Organization (WeGO) Chengdu Training Program 2024 di Chengdu, China pada 4 hingga 8 November 2024 (World Smart Sustainable Cities Organization (WeGO))	RM2,049.80
108	The 44th Executive Committee Meeting, 3rd SDG City Award Ceremony and International Seminar Held in Iloilo City, Philippines on 18 and 19 November 2024 (CityNet)	RM12,982.00
109	2nd Regional (Closing) Workshop of the ASEAN SDGS Frontrunner Cities Programme Phase 2 (SDGS-FC 2) and the 14th East Asia Summit High- Level Seminar on Sustainable Cities (14hls) pada 26-28 November 2024 di Bangkok, Thailand (CityNet)	RM3,227.00
110	2nd MUFPP Asia Pacific Regional Forum pada 3 - 4 Nov 2024 di Bangkok, Thailand (Milan Urban Food Policy Pact) (MUFPP) and Bangkok Metropolitan Administration	RM2,690.00
Majlis Bandaraya Pulau Pinang		
111	Regional Housing Conference 2024	RM1,576.00
112	Kursus Enforcement Self Defense 2024	RM1,085.00
113	Seminar Jalan Dan Bandar @ Penang	RM1,300.00
114	National Urban Forestry Conference 2024	RM1,600.00
115	Johor Planning Conference	RM1,007.00
116	Malaysian Breast Cancer 2024	RM2,116.80

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
117	MIPFM Smart Building Conference	RM799.00
118	Seminar Pembangunan Tanah Malaysia MADANI 2024	RM450.00
119	Planmalaysia GIS Seminar 2024	RM1,200.00
120	Seminar Speksifikasi Piawai JKR Malaysia	RM950.00
121	WMAM Annual Conference 2024	RM1,500.00
122	Konvensyen Pembangunan Strata Malaysia	RM800.00
123	Conference On Asia Road Safety 2024	RM600.00
124	Seminar Keselamatan Makanan Kebangsaan	RM900.00
125	Seminar Pengurusan Kenderaan Terbiar	RM650.00
126	WSCS 2024 - International Conferece 2024	RM600.00
127	Seminar MPSAS : Perubahan Tahun 2024 & Perbincangan Isu-Isu Pemakaian	RM1,900.00
128	International Humanitarian Conference 2024	RM1,200.00
129	26th Penang Teaching Conference	RM1,650.00
130	Board Of Town Planners Professional Course 2024	RM600.00
131	Triparte Seminar	RM550.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2024	KOS PERBELANJAAN (RM)
132	Persidangan Kelestarian Antarabangsa & Pembinaan Hijau Terbesar	RM1,288.00
133	Board Of Town Planners Profesional Course	RM600.00
JUMLAH PERBELANJAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN		RM451,537.13
BADAN BERKANUN NEGERI		
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang		
134	Persidangan Group Resource Planning (Censof), Istanbul, Turkey 2024 (6 Oktober-11 Oktober 2024)	RM2,433.36
Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang		
135	Annual Conference Athens-Greece (ICOM – CECA 2024)	RM15,597.00
Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang		
136	International Tourism and Culture Exhibition and Conference (INTAC) 2024 di WTC Kuala Lumpur pada 3-6 Oct 2024	RM4,480.87
137	2024 Asia Pacific Cable Car Benchmarking Event di Zhangjiajie, China pada 16-18 Oct 2024	RM6,309.04
JUMLAH PERBELANJAAN BADAN BERKANUN NEGERI		RM28,820.27
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN TAHUN 2024		RM1,489,806.81

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
JABATAN NEGERI		
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang		
1	Program Kepimpinan di Era Digital Anjuran RSOG Pada 18-19 Februari 2025	RM3,240.00
2	Program Diplomasi Dalam Kepimpinan Anjuran RSOG Pada 15 Mei 2025	RM1,296.00
3	Kursus Luaran RSOG Program Kepimpinan Siri 2 Anjuran RSOG	RM1,296.00
4	Penyertaan Kursus 52nd Asian Regional Training And Development Organisation (ARTDO) International World Conference 2025	RM7,200.00
5	Kursus The 8th Regional Course On UNESCO Global Geopark Anjuran Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dengan Kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Asia Pacific Geoparks Network (APGN) dan Global Geopark Network (GGN)	RM1,200.00
6	Program Kepimpinan Di Era Digital Siri 2	RM1,200.00
7	Eighth Global Platform for Disaster Risk Reduction (GP2025) di Geneva, Switzerland pada 02 hingga 06 Jun 2025	RM66,174.00
8	2025 ITW Digitalized Disaster Governance in the AI Era di Taipei, Taiwan pada 28 Oct hingga 31 Oct 2025	RM1,440.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
9	Kursus ARCGIS Pro: Essential Workflows di ESRI Malaysia, Shah Alam, Selangor 15 Januari 2025 (Rabu) hingga 17 Januari 2025 (Jumaat)	RM3,078.00
10	Seminar Smart-GIS 2025 Anjuran Bersama GeoInfo Services Sdn. Bhd, Customedia Sdn. Bhd dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	RM900.00
11	Persidangan World Summit On The Information Society (WSIS) 2025 : AI For Good Global Summit Dan Menerima Anugerah WSIS Prizes 2025 Champion Kategori AI C10 WSIS 2025 Di Geneva, Switzerland	RM74,384.00
12	Kursus International Training Course (ITC) on Disaster Risk Management of Cultural Heritage	RM14,960.00
13	MIP Northern Branch Seminar: Shaping Penang2030 Vision Together	RM540.00
14	Kursus International Course (ITC) on Impact Assessment in a World Heritage Context	RM6,335.00
15	Pameran Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2025 Peringkat Negeri Pulau Pinang	RM2,690.00
16	Persidangan Setiausaha-Setiausaha Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Se-Malaysia di Johor	RM500.00
17	Persidangan Speaker-Speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Se-Malaysia di Melaka	RM2,448.00
18	The First Joint CPA Asia & South-East Asia Regional Conference di Lahore, Pakistan	RM16,528.00
19	Persatuan Parlimen Komanwel cawangan Pulau Pinang ke 68th Commonwealth Parliamentary Conference di Bridgetown, Barbados	RM81,120.00
20	Kursus Tatakelola Pengurusan Aduan Integriti Dan Siasatan	RM2,380.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
21	Kursus Bagi Persidangan National Conference On Integrity & Governans (NCIG)	RM2,199.00
22	World Expo Osaka 2025 Di Osaka, Jepun pada 2 hingga 6 Jun 2025	RM31,555.00
23	World Summit On The Information Society (WSIS) High Level Event 2025 di Geneva, Switzerland dari 5 hingga 13 Julai 2025	RM90,253.00
24	Pameran Sempena Mesyuarat ASEAN 2025 (Trek Kewangan) Di Pulau Pinang pada 17 hingga 21 Februari 2025.	RM102,000.00
25	Reruai Dalam Open House Exhibition @ ASEAN 2025 di Kuala Lumpur Convention Centre pada 7 hingga 10 April 2025.	RM49,920.00
26	Pameran Dan Jualan Serta Perkhidmatan Menyediakan Makan Minum Kepada Petugas Dan Usahawan Sempena Mesyuarat SEOM ASEAN 2/56 Dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan di Hotel Eastern Oriental Pulau Pinang Pada 21 hingga 24 April 2025.	RM23,000.00
27	Pameran Kerajaan Negeri, Sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 Bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Pada 17 Hingga 20 Julai 2025	RM107,350.00
28	Pameran Dan Perkhidmatan Penyediaan Peralatan Sempena ASEAN AI Malaysia Summit 2025 di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC) pada 12 hingga 13 Ogos 2025.	RM5,652.00
29	Persidangan Shandong International Friendship Cities Conference For Cooperation And Development 2025 26 Mei 2025 Hingga 31 Mei 2025.	RM50,590.00
30	World Expo 2025 Osaka pada 20 September hingga 27 September 2025 di Yumeshima Island, Osaka, Jepun.	RM49,559.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
Jabatan Pengairan dan Saliran, PSUKPP		
31	G Msia Water Forum 2025	RM2,300.00
32	The 4th World Irrigation Forum (WIF4) 2025	RM2,050.00
33	6th International Conference On Water Resources (ICWR 2025)	RM1,000.00
34	Persidangan Pengurus Kanan dan Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia 2025	RM5,400.00
Jabatan Bandar dan Desa (PLANMalaysia Pulau Pinang)		
35	Lawatan Kerja Ke Osaka, Jepun Pada 21 Sehingga 27 September 2025 Dan Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Ekspo 2025 Osaka Di Pulau Yumeshima, Osaka, Jepun	RM35,284.50
Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut		
36	Pengurusan Bandar Dan Pelaksanaan Bandar Pintar Bersama Ahli Majlis Dan Ketua Jabatan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Di Shanghai, China Pada 24 Hingga 28 November 2025	RM5,960.00
37	Program Simposium Cerun Negara 2025	RM2,000.00
38	Persidangan Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2025 (SOC)	RM1,705.00
39	Program 6th JKR BIM Day 2025	RM700.00
40	The 3rd Asset And Project Management Conference (APMC) 2025	RM1,080.00
JUMLAH PERBELANJAAN JABATAN NEGERI		RM858,466.50

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
Majlis Bandaraya Seberang Perai		
41	ASEAN Green Jobs Forum (AGJF) 2025	RM1,659.99
42	ASEAN Sustainable Urbanisation Forum (ASUF), ASEAN Governors And Mayors (AGMF) Dan Meeting Of Governors And Mayors Of ASEAN Capitals (MGMAC) 2025, Kuala Lumpur 2025	RM2,255.55
43	Malaysian International Feed, Livestock Meat Show And International Livestock Forum	RM870.68
44	Seminar Dan Forum "Post Mortem Tata Kelola Penambahbaikan Penyediaan Senarai Nilai Baru / Penilaian Semula Di PBT Malaysia - Cabaran Mengukuhkan Hasil Utama PBT	RM3,376.16
45	Sesi Dialog Bandar Pintar Dan Majlis Apresiasi Johor Smart City Forum 2025	RM1,285.12
46	The 2025 International Mayors Forum The 16th UN-Habitat Environmental Technology Expert Group Meeting (EGM) On Cities And Resilience	RM6,904.70
47	Simposium Amalan Perancangan Terbaik 2025	RM1,298.40
48	Simposium Pemerkasaan Bahasa Kebangsaan Dalam Bidang Undang-Undang	RM2,378.64
49	PQA Seminar 2025 (Sustainable Quarrying : The Way Forward)	RM300.00
50	Seminar (UFIS 4.0) Way Forward Digitalization In Financial Management	RM2,849.12

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
51	Seminar Antarabangsa 3rd City Windows Series: Smart Green ASEAN Cities	RM2,235.72
52	Seminar ESCP Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang Tahun 2025	RM599.00
53	Seminar Inovasi Dan Amalan Terbaik Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia	RM8,695.36
54	Seminar Kearifan Tempatan Pemuliharaan Senibina Warisan Kayu 2025 (Siri2)	RM1,875.36
55	Seminar Kebenaran Merancang Perubahan Material Di Bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Tahun 2025 : Cabaran Dan Penyelesaian	RM1,707.08
56	Seminar Kepimpinan Muda Peringkat Zon Utara Anjuran ANULAE Semenanjung Malaysia	RM179.00
57	Seminar Keselamatan Dan Kesihatan Persekitaran	RM1,802.60
58	Seminar Kewangan Dan Pengauditan Sektor Awam (SKPSA) 2025	RM1,750.00
59	Seminar Mengaplikasi Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Transformasi Perancangan Bandar	RM1,365.12
60	Seminar On Renewable Energy Industry Promotion And Energy Management For Developing Countries	RM4,622.50
61	Seminar Perancangan Bandar: Signifikan AI Dalam Perancangan Bandar Mampan Di Malaysia	RM295.00
62	Seminar Smart - GIS 2025	RM245.00
63	Seminar Strategik Pembangunan Tanah	RM750.00
64	Seminar Wanita Dan Majlis Makan Malam Anjuran ANULAE Semenanjung Malaysia	RM261.63
65	Small Animal Radiography Seminar : Radiography Of The Muscoloskeletal In Dogs And Cats	RM3,300.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
66	23rd (Arborist Certification Programme In Malaysia) (Kursus Persijilan Arborist Kali Ke-23)	RM8,959.80
67	Kursus 25th MATCVS New Frontiers: Redefining Excellence In Cardiothoracic Surgery	RM2,431.80
68	Kursus Asas Pengoperasian Dan Pemprosesan Data Pemetaan Unmanned Aerial Vehicle (UAV)	RM1,170.00
69	Kursus Asas Penyelenggaraan Bangunan Dan Fasiliti (Secara Dalam Talian)	RM250.20
70	Kursus Certified Operator In Schedule Waste Management (For Automotive Workshop)	RM1,500.00
71	Kursus Contract Law For Managers And Non-Legal Professionals	RM6,630.86
72	Kursus DATUM : Pam Lam, Datum : Gov Datum : Tech	RM2,590.36
73	Kursus Digital Forensic Audit 2025	RM2,365.10
74	Kursus Hakmilik Strata	RM670.00
75	Kursus Horizon Baharu Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Siri 2/2025	RM1,583.08
76	Kursus Ilmu Pembinaan Jalan, Penyelenggaraan Jalan Dan Pengiraan Kos Kerja Jalan (Secara Dalam Talian)	RM240.00
77	Kursus Kefahaman Dan Pengauditan Sistem Pengurusan Pematuhan ISO 37301:2021 (CMS)	RM4,148.00
78	Kursus Pelaksanaan Aplikasi Penarafan Bintang Tandas Awam (PBTA)	RM2,411.80
79	Kursus Pemahaman Kaedah Pengauditan Penarafan Bintang Tandas Awam Kendiri Dengan Penggunaan Aplikasi Penarafan Bintang Tandas Awam (PBTA)	RM1,238.40

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
80	Kursus Pengukuhan Pelaksanaan Aktiviti Kawalan Vektor Dan Perosak Di Pihak Berkuasa Tempatan (Zon Semenanjung)	RM1,454.60
81	Kursus Pengurusan Pokok Ameniti (Arborikultur) Putrajaya 2025 Dengan Kerjasama Persatuan Arborist Malaysia (PARM)	RM2,420.62
82	Kursus Penyediaan Manual Rancangan Tempatan Edisi 2025	RM1,940.36
83	Persidangan Holistik HR 2025 : HR Pemacu Kejayaan Setiap Organisasi	RM8,360.72
84	Persidangan International Green Build Conference (LGBC) 2025	RM1,901.40
85	Persidangan Juruaudit ASEAN Tahun 2025	RM3,628.12
86	The World Local Government Climate Summit-Based Green Transition For All, Kintex Goyang, Korea (ICLEI)	RM8,947.87
87	The Eighth Global Platform For Disaster Risk Reduction (GPDRR), Geneva, Switzerland (United Nations Office For Disaster Risk Reduction (UNDRR) Government Of Switzerland)	RM21,499.00
88	The 14th Mayors Forum Of The World Cities Summit 2025, Vienna, Austria (Worlds Cities Summit)	RM42,329.22
89	The National University Of Singapore (Nus) Cities Programme , Singapore (National University Of Singapore)	RM6,695.17
90	Milan Urban Food Policy Pact (MUFPP) Global Forum 2025, Milan, Italy (Iurc)	RM12,284.04

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
91	2025 International Mayors Forum The 16th UN-Habitat Environmental Technology Expert Group Meeting (EGM) On Cities And Resilience, Japan (UN- HABITAT)	RM5,554.70
92	2025 Asia Pacific Cities Summit (Apcs) Mayors' Forum, Dubai And The WeGO Executive Comomitee Meeting (EXCOM), Abu Dhabi (Expo City Dubai In Collaboration With Brisbane City Council WeGO)	RM25,544.44
93	International Urban Regional Cooperation (LURC) Global Thematic Networking Workshop And The 14th Edition Of The Smart City Expo World Congress (SCEWC) 2025 , Barcelona (International Urban Regional Cooperation (IURC) Asia Australasia And City Barcelona)	RM5,715.24
94	The 7th ASEAN –Japan Smart Cities Network High Level Meeting (Ministry Of Land, Infrastructure, Transport And Tourism Of Japan)	RM10,350.00
95	The United Nations Industrial Development Organization (UNIDO) – Investment And Technology Promotion Office (ITPO) The 18th Kawasaki International Eco – Tech Fair Tokyo, Kawasaki City Japan (United Nation Industrial Development Organization (UNIDO) – Investment And Technology Promotion Office (ITPO))	RM9,750.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
Majlis Bandaraya Pulau Pinang		
96	Seminar MIP Northern Branch 2025	RM400.00
97	Program National NMA Convention And Scientific Congress 2025	RM250.00
98	Program 20 Anniversary : WMAM Annual Conference 2025	RM1,500.00
99	Program Persidangan Warisan Peringkat Kebangsaan Tahun 2025	RM1,400.00
100	Program USM -ADRC Profesional Certificate In Alternative Dispute Resolution Practice Graduation Ceremony & Dinner Invitation	RM2,100.00
101	Program Digital - Driven Resilience - Based Hong Kong Slope Safety System	RM300.00
102	Program 17 Malaysian Property Summit (17mps)	RM1,339.00
103	GEOFIESTA 2025	RM1,026.00
104	Program 35 MAVMA Annual Conference	RM750.00
105	Seminar Pemetaan Utiliti Bawah Tanah (UMAS) 2025	RM450.00
106	Flood Risk Assessment In Malaysia, Landslide Vulnerability Assessment And Development Of Risk Index For Critical Instructure (CI) In Malaysia	RM700.00
107	Program JKR Power-Up : Electrical Engineering Seminar & Exhibition Tahun 2025	RM900.00
108	Seminar ESCP 2025	RM599.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
109	Geotechnical Engineering Seminar 2025	RM1,200.00
110	Program MIPFM CPD Seminar Series 2025 : Sustainable Property Management In Penang	RM350.00
111	Persidangan Juruaudit ASEAN Tahun 2025	RM2,000.00
112	Program PMPS Northern Obesity Management Symposium 2025	RM200.00
113	Program Vibrant Melaka 2025 : Bridging Technology And Community For Sustainability	RM500.00
114	NIOSH International Standards Seminar (NISS 2025)	RM550.00
115	Program Signifikan AI Dalam Perancangan Bandar Mampan Malaysia	RM590.00
116	Seminar Perluasan Cukai Perkhidmatan 2025 : Kesiapsiagaan Pihak Berkuasa Tempatan Dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GIC) Dalam Sektor Utama	RM1,000.00
117	Program Geomatik Kebangsaan 2025	RM200.00
118	Simposium Cerun Negara 2025	RM1,000.00
119	Program TLSM Provider Course : Trauma Life Support Malaysia	RM250.00
120	National MMA Convention And Scientific Congress	RM250.00
121	USM ADRC Professional Certificate	RM19,104.00
122	DATUM KL	RM162.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
123	2nd Construction Summit	RM800.00
JUMLAH PERBELANJAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN		RM297,296.63
BADAN BERKANUN NEGERI		
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang		
124	Lawatan Benchmarking Bagi Penang International Logistics Aeropark (PILA) Singapura (6-8 Januari 2025)	85,000.00
125	Lawatan Penanda Aras-Integrated Industrial Park & Smart City Di China Dan Hong Kong 2025 (8 Jun- 14 Jun 2025)	224,348.29
126	Kursus Pengukuhan Pasukan Dan Pemantapan Komunikasi Setiausaha Pejabat & Pembantu Tadbir Singapura 2025 (29 Julai 2025)	6,559.36
127	Bengkel Pentadbiran Tanah Ke Arah Tadbir Urus Tanah Yang Cekap Dan Lestari Bandung, Indonesia 2025 (21 Ogos-23 Ogos 2025)	181,415.67
128	Expo Dunia Osaka 2025 (18 September-28 September 2025)	1,274,228.43
129	Program World Citytech Expo 2025, Korea Selatan (22 September-27 September 2025)	106,434.00
130	Lawatan Perniagaan Ke Xuzhou, Jiansu, China 2025 (24 Oktober-28 Oktober 2025)	164,613.34
Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang		
131	Annual Conference Dubai (ICOM – CECA 2025)	16,810.00

**SENARAI FORUM, SIMPOSIUM, SEMINAR, KURSUS,
PERSIDANGAN DAN PAMERAN**

BIL	SENARAI TAHUN 2025	KOS PERBELANJAAN (RM)
Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang		
132	5th World Congress of Biosphere Reserves 2025 di Hangzhou, China pada 22-26 Sept 2025	39,436.60
133	2025 Asia Pacific Cable Car Benchmarking Event di Sanqingshan, Jiangxi, China pada 22-24 Oct 2025	7,335.00
JUMLAH PERBELANJAAN BADAN BERKANUN NEGERI		2,106,180.69
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN TAHUN 2025		3,261,943.82

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

19. Berapakah prestasi perbelanjaan Kerajaan Negeri tahun 2025?
- (a) Berapakah peratus hasil negeri dibelanjakan bagi tujuan pembasmian kemiskinan? Perincikan mengikut KADUN.

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Prestasi perbelanjaan Kerajaan Negeri dari Januari hingga 27 Oktober 2025, sejumlah **RM655,960,684.05** telah dibelanjakan.
- (a) Kerajaan Negeri telah menggunakan kira-kira 2% daripada keseluruhan perbelanjaan tersebut bagi tujuan pembasmian kemiskinan termasuk Bantuan Bina Baru dan Baiki Pulih, Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES), Tabung Bantuan Segera Negeri, Bantuan Basikal dan Bantuan Pendidikan bagi pelajar miskin, Bantuan Pemulihan Bencana, Program i-Sejahtera seperti Bantuan Teksi dan Bas Sekolah, dan lain-lain lagi.

Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap kebajikan rakyat, oleh itu, walaupun angka ini kemungkinan kelihatan amat kecil, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan pihak Kerajaan Persekutuan, pihak swasta serta pihak NGO yang turut memberi bantuan dari segi kewangan dan bantuan kepada golongan yang memerlukan, sekaligus mengurangkan beban kewangan pihak Kerajaan Negeri.

Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**PERINCIAN PERBELANJAAN DAN UNJURAN KEWANANGAN KEBAJIKAN
MENGIKUT DAERAH DARI BULAN JANUARI HINGGA 31 OKTOBER TAHUN 2025
(PERUNTUKAN KEGERI)**

NEGERI : JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG

BANTUAN AGENDA EKONOMI SAKSAMA (BAES)

BIL.	DAERAH	JUMLAH PERBELANJAAN JANUARI - OKTOBER
1	TIMUR LAUT	1,739,932.00
2	BARAT DAYA	312,199.58
2	SEBERANG PERAI UTARA	837,906.00
3	SEBERANG PERAI TENGAH	1,115,812.00
5	SEBERANG PERAI SELATAN	676,265.00
JUMLAH		4,682,114.58

TABUNG BANTUAN SEGERA NEGERI (TBSN)

BIL.	DAERAH	JUMLAH PERBELANJAAN JANUARI - OKTOBER
1	TIMUR LAUT	28,750.00
2	BARAT DAYA	25,100.00
2	SEBERANG PERAI UTARA	43,000.00
3	SEBERANG PERAI TENGAH	29,500.00
5	SEBERANG PERAI SELATAN	15,800.00
JUMLAH		142,150.00

BANTUAN PENDIDIKAN PELAJAR MISKIN (ANAK PENERIMA BANTUAN JKM)

BIL.	DAERAH	JUMLAH PERBELANJAAN JANUARI - OKTOBER
1	TIMUR LAUT	141,850.00
2	BARAT DAYA	112,400.00
2	SEBERANG PERAI UTARA	159,100.00
3	SEBERANG PERAI TENGAH	137,600.00
5	SEBERANG PERAI SELATAN	67,700.00
JUMLAH		618,650.00

BANTUAN BASIKAL TAHUN 2025

BIL.	DAERAH	JUMLAH PERBELANJAAN JANUARI - OKTOBER
1	TIMUR LAUT	0.00
2	BARAT DAYA	0.00
2	SEBERANG PERAI UTARA	400.00
3	SEBERANG PERAI TENGAH	0.00
5	SEBERANG PERAI SELATAN	0.00
JUMLAH		400.00

BANTUAN LATIHAN SAMBIL BELAJAR(BLSB)

BIL.	DAERAH	JUMLAH PERBELANJAAN JANUARI - OKTOBER
1	TIMUR LAUT	17,689.23
2	BARAT DAYA	13,300.00
2	SEBERANG PERAI UTARA	17,500.00
3	SEBERANG PERAI TENGAH	14,000.00
5	SEBERANG PERAI SELATAN	700.00
JUMLAH		63,189.23

PERTUBUHAN SUKARELA KEBAJIKAN

BIL.	DAERAH	JUMLAH PERBELANJAAN JANUARI - OKTOBER
1	TIMUR LAUT	162,000.00
2	BARAT DAYA	
2	SEBERANG PERAI UTARA	
3	SEBERANG PERAI TENGAH	
5	SEBERANG PERAI SELATAN	
JUMLAH		162,000.00

BILANGAN KES DAN PERBELANJAAN BANTUAN PEMULIHAN BENCANA

BIL.	DAERAH	JUMLAH PERBELANJAAN JANUARI - SEPTEMBER
1	TIMUR LAUT	11,750.00
2	BARAT DAYA	7,600.00
2	SEBERANG PERAI UTARA	37,850.00
3	SEBERANG PERAI TENGAH	0.00
5	SEBERANG PERAI SELATAN	22,850.00
JUMLAH		80,050.00

**PERBELANJAAN BAGI PUSAT TRANSIT GELANDANGAN
TAHUN 2025**

BIL.	PERKARA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	Gaji	218,150.96
2	Tuntutan Perjalanan	7,735.95
3	Elaun Lebih Masa	1,670.10
4	Perkhidmatan Pembersihan	90,142.00
5	Perkhidmatan Kontrak Keselamatan	172,990.00
6	Sewaan (Pejabat & Mesin Fotostat)	3,050.00
7	Bil Utiliti	36,824.57
8	Aset	5,740.00
9	Bekalan Pejabat (Surat Khabar, Kertas, Sampul Surat dan lain-lain)	4,352.00
10	Penyelenggaraan (Pejabat & Alat Pemadam Api)	23,587.00
11	Makanan Kering	6,100.00
JUMLAH		570,342.58

LAMPIRAN A

Jumlah bantuan yang dibelanjakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah mengikut pecahan KADUN

KOD DUN	NAMA DUN	Jumlah bantuan yang dibelanjakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah (RM)	
N1	Penaga	RM	86,883.20
N2	Bertam	RM	3,000.00
N3	Pinang Tunggal	RM	53,439.80
N4	Permatang Berangan	RM	77,243.00
N5	Sungai Dua	RM	5,780.00
N6	Telok Air Tawar	RM	193,140.00
N7	Sungai Puyu	RM	-
N8	Permatang Pasir	RM	-
N9	Penanti	RM	5,980.00
N10	Berapit	RM	-
N11	Machang Bubuk	RM	75,000.00
N12	Bukit Tengah	RM	-
N13	Padang Lalang	RM	5,980.00
N14	Seberang Jaya	RM	5,749.00
N15	Sungai Bakap	RM	46,218.20
N16	Bukit Tambun	RM	-
N17	Jawi	RM	108,425.00
N18	Sungai Acheh	RM	309,880.00
N19	Bayan Lepas	RM	7,590.00
N20	Pantai Jerejak	RM	29,668.00
N21	Pulau Betong	RM	-
N22	Teluk Bahang	RM	147,118.59
N23	Air Itam	RM	-
N24	Kebun Bunga	RM	-
N25	Pulau Tikus	RM	-
N26	Padang Kota	RM	-
N27	Pengkalan Kota	RM	-
N28	Komtar	RM	-
N29	Batu Lanchang	RM	-
N30	Seri Delima	RM	-
N31	Air Putih	RM	2,900.00
N32	Paya Terubong	RM	3,000.00
N33	Batu Uban	RM	150,000.00
N34	Bukit Gelugor	RM	-
N35	Datok Keramat	RM	6,000.00
N36	Sungai Pinang	RM	-
N37	Batu Maung	RM	72,184.50
N38	Tanjung Bunga	RM	-
N39	Tanjong	RM	-
N40	Padang Kota	RM	-
JUMLAH KESELURUHAN		RM	1,385,679.29

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

20. MBPP telah melancarkan Aplikasi Bandar Pintar 2025 di Hotel Royal Chulan. Berapakah kos perbelanjaan perasmian berkenaan?
- (a) Adakah program tersebut disediakan dalam bajet 2026?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Peruntukan sejumlah **RM56,823.80 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Enam Ribu Lapan Ratus Dua Puluh Tiga dan Lapan Puluh Sen Sahaja)** telah dibelanjakan bagi Majlis Perasmian Aplikasi Bandar Pintar 2025 di Hotel Royal Chulan, George Town pada 03 Oktober 2025.
- (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) komited dalam merealisasikan inisiatif bandar pintar yang mampan dan akan mempertimbangkan program tersebut dalam Bajet Tahun 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

21. Berapakah stesen cuaca yang MBPP sediakan dalam Virtual Island Penang?
- (a) Nyatakan kejayaan sistem ini dalam memantapkan skuad pantas.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Menerusi inisiatif *Virtual Island of Penang* (VIP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menyediakan sebanyak 26 buah stesen cuaca yang ditempatkan di lokasi-lokasi strategik di dalam kawasan pentadbiran MBPP seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Sistem VIP ini telah berjaya memantapkan keupayaan Skwad Pantas MBPP melalui:
- (i) Pemantauan cuaca secara masa nyata bagi memastikan tahap kesiapsiagaan aset MBPP sentiasa berada pada paras optimum;
 - (ii) Penyelarasan penempatan aset dengan cepat dan tepat di kawasan berisiko seperti di lokasi berpotensi banjir kilat, pokok tumbang dan tanah runtuh;
 - (iii) Penyediaan laporan situasi bencana yang komprehensif bagi menyokong tindakan pantas dan perancangan infrastruktur mitigasi bencana; dan

(iv) Peningkatan kecekapan Skuad Pantas MBPP melalui keputusan berasaskan data cuaca sebenar serta sokongan kepada perancangan bandar berdaya tahan.

SENARAI 26 BUAH STESEN CUACA DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)

BIL.	NAMA STESEN	LOKASI / BANDAR	DUN
1.	MBPP S62 THEAN TEK	MUKIM 13, AYER ITAM	PAYA TERUBONG
2.	MBPP U40 TELUK BAHANG	MUKIM 1, TANJUNG BUNGA	TELOK BAHANG
3.	MBPP T13 SUNGAI RUSA	MUKIM C, BALIK PULAU	TELOK BAHANG
4.	MBPP T44 P. RAMLEE	SEKSYEN 9 (W), GEORGE TOWN	DATOK KERAMAT
5.	MBPP T59 BOTANIC GARDEN	MUKIM 18, GEORGE TOWN	KEBUN BUNGA
6.	MBPP S19 YEAP CHOR EE	GLUGOR, GELUGOR	SERI DELIMA
7.	MBPP S21 TPS JELUTONG	SEKSYEN 8, JELUTONG	SUNGAI PINANG
8.	MBPP T40 PANCHOR	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN	BATU LANCANG
9.	MBPP U33 BAOBAB TREE	SEKSYEN 4, GEORGE TOWN	PULAU TIKUS
10.	MBPP QR06 BUKIT MUTIARA	MUKIM 18, TANJUNG BUNGAH	KEBUN BUNGA
11.	MBPP S31 PADANG KOTA	GEORGE TOWN	PADANG KOTA

BIL.	NAMA STESEN	BANDAR	DUN
12.	MBPP Q21 BATU FERINGGI	SEKSYEN 1, BATU FERINGGI	TANJONG BUNGA
13.	MBPP T2 ANJUNG INDAH	MUKIM 10, BALIK PULAU	BAYAN LEPAS
14.	MBPP T37 USM	MUKIM 13, GELUGOR	BATU UBAN
15.	MBPP PRANGIN	SEKSYEN 17, GEORGE TOWN	KOMTAR
16.	MBPP L24 AIRPORT	MUKIM 12, BAYAN LEPAS	BAYAN LEPAS
17.	MBPP TR3 PAIR ROAD	MUKIM 13, AIR ITAM	PAYA TERUBONG
18.	MBPP U18 AYER ITAM	SEKSYEN 4, AYER ITAM	AIR ITAM
19.	MBPP S49 GURNEY	SEKSYEN 1, GEORGE TOWN	PULAU TIKUS
20.	MBPP T34 BAYAN LEPAS FIZ	MUKIM 12, BAYAN LEPAS	BATU MAUNG
21.	MBPP T17 KOMPLEKS SUKAN BALIK PULAU	MUKIM G, BALIK PULAU	PULAU BETONG
22.	MBPP S06 BAYAN BARU	MUKIM 12, BAYAN LEPAS	PANTAI JEREJAK
23.	MBPP S57 MASJID NEGERI	SEKSYEN 5, JELUTONG	AIR ITAM

BIL.	NAMA STESEN	BANDAR	DUN
24.	MBPP T26 BATU MAUNG	MUKIM 12, BATU MAUNG	BATU MAUNG
25.	MBPP T9 KONGSI	BALIK PULAU, BALIK PULAU	PULAU BETONG
26.	MBPP U1 KG BINJAI	MUKIM 11, BAYAN LEPAS	BAYAN LEPAS

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

22. Berapakah jumlah van yang disumbangkan oleh MBPP kepada Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)?
- (a) Adakah projek ini akan diperluaskan?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Melalui Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia Pulau Pinang (Pulau), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Jelutong merupakan satu-satunya PAWE di bawah pentadbiran MBPP dan turut dibantu oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP). Demi menyokong pelaksanaan inisiatif tersebut, MBPP telah menyumbang sebuah van yang berfungsi sebagai Van Mobiliti Bandar Mesra Usia Pulau Pinang (Pulau). Van ini telah diserahkan kepada pihak pengurusan PAWE Jelutong.
- (a) Projek ini berpotensi untuk diperluaskan pada masa akan datang tertakluk kepada peruntukan dan keperluan semasa. Selain itu, Rapid Penang turut menyediakan perkhidmatan van mobiliti khas Rapid Penang On-Demand yang beroperasi di sekitar negeri bagi kemudahan penduduk termasuk warga emas.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

23. Apakah persiapan Kerajaan Negeri untuk berdepan dengan kejadian banjir atau bencana?
- (a) Berapakah jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri setiap tahun untuk bencana?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Kerajaan Negeri sentiasa memberi keutamaan kepada kesiapsiagaan menghadapi banjir dan bencana melalui pendekatan pencegahan, kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan. Antara langkah persiapan utama adalah:
- (i) Pengaktifan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah (JPBN / JPBD) bagi penyelarasan tindakan sebelum, semasa dan selepas bencana;
- (ii) Latihan simulasi dan bengkel pengoperasian bencana secara berkala melibatkan semua agensi, komuniti dan pasukan barisan hadapan;
- (iii) Pemantauan dan amaran awal cuaca melalui Jabatan Meteorologi Malaysia dan saluran rasmi *Penang Alert* serta *short message service* (SMS) kepada agensi berkaitan;
- (iv) Penyediaan aset dan logistik termasuk Pusat Pemindahan Sementara (PPS), peralatan penyelamatan dan stok bantuan asas melalui Setor Bencana Negeri; dan

- (v) Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) untuk meningkatkan kesedaran dan keupayaan tindak balas masyarakat setempat.
- (a) Bagi aspek kewangan, Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan melalui Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang dengan kadar bantuan 10% daripada nilai kerosakan (minimum RM200.00 dan maksimum RM5,000.00) kepada mangsa bencana, manakala NADMA menyalurkan Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM1,000.00 bagi setiap ketua isi rumah yang berpindah ke PPS berdaftar dan RM10,000.00 bagi kes kematian akibat bencana.

Jumlah perbelanjaan Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 15 Oktober 2025 mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	2023 (RM)	2024 (RM)	2025 (RM)
Barat Daya	31,470.00	38,000.00	30,250.00
Timur Laut	40,990.00	77,960.00	59,700.00
Seberang Perai Utara	71,550.00	54,645.00	108,600.00
Seberang Perai Tengah	112,670.00	84,150.00	80,465.00
Seberang Perai Selatan	18,110.00	27,950.00	36,600.00

Selain itu, bagi pengoperasian Monsun Timur Laut 2023/2024, NADMA telah memperuntukkan sebanyak RM40,000.00 kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah bagi pengurusan operasi serta RM400,000.00 bagi pelaksanaan BWI. Secara keseluruhannya, langkah-langkah ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri untuk memperkukuh kesiapsiagaan bencana

secara bersepadu melibatkan agensi negeri, persekutuan dan komuniti, demi memastikan keselamatan rakyat serta kecekapan pengurusan bencana di Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

24. Persidangan *Resilient Cities Network* diadakan setiap tahun.
- (a) Senaraikan kebaikan dan faedah menganggotai pertubuhan ini.
 - (b) Perincikan pendirian yang dibentangkan dalam forum-forum tersebut.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. *Resilient Cities Network* (RCN).
- (a) Kebaikan dan faedah menganggotai RCN adalah seperti berikut:
 - (i) Perkongsian pengetahuan global: Ahli dapat berkongsi dan memperoleh pengalaman serta amalan terbaik daripada bandar-bandar lain di seluruh dunia dalam menangani cabaran seperti perubahan iklim, bencana alam dan ketidakadilan sosial;
 - (ii) Akses kepada kepakaran dan sumber teknikal: Ahli mendapat sokongan teknikal daripada pakar antarabangsa dalam perancangan bandar lestari, pengurusan risiko bencana dan strategi daya tahan komuniti;

- (iii) Peluang pembiayaan dan kerjasama antarabangsa: Keahlian membolehkan bandar mengakses dana pembangunan dan projek kolaboratif dengan agensi seperti UN-Habitat, World Bank dan lain-lain;
 - (iv) Pengiktirafan antarabangsa: Penyertaan dalam RCN meningkatkan imej dan kredibiliti sesebuah bandar sebagai bandar yang progresif, berdaya tahan dan komited terhadap pembangunan mampan;
 - (v) Rangkaian kerjasama antara bandar: Keahlian dalam RCN membuka peluang untuk jalinan hubungan strategik bersama bandar lain bagi projek kolaboratif seperti pengurusan banjir, ekonomi hijau dan transformasi digital; dan
 - (vi) Pembangunan kapasiti dan latihan: Pegawai kerajaan tempatan dapat mengikuti bengkel, latihan dan program pembangunan kapasiti untuk memperkukuh keupayaan membuat perancangan dasar berasaskan daya tahan (*resilience-based policy planning*).
- (b) Pendirian yang dibentangkan dalam forum RCN merangkumi:
- (i) Komitmen terhadap bandar berdaya tahan dan inklusif: Menegaskan pendirian bahawa setiap dasar pembangunan perlu mengambil kira kesejahteraan komuniti, kelestarian alam sekitar serta keupayaan bandar menyesuaikan diri terhadap perubahan iklim;
 - (ii) Tumpuan kepada adaptasi perubahan iklim dan risiko bencana: Menggariskan langkah-langkah mitigasi seperti pelan pengurusan banjir bersepadu, pemulihan ekosistem semula jadi serta penggunaan teknologi pintar bagi sistem amaran awal;
 - (iii) Pendekatan berasaskan komuniti: Menekankan keperluan melibatkan komuniti tempatan dalam proses perancangan dan pelaksanaan strategi daya tahan agar dasar lebih inklusif dan efektif;

- (iv) Pengukuhan tadbir urus dan akauntabiliti antara agensi: Menyeru supaya wujud penyelarasan yang lebih baik antara agensi kerajaan, pihak swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi memastikan pelaksanaan strategi daya tahan (*resilience*) yang lebih bersepadu;
- (v) Peralihan ke arah ekonomi hijau dan bandar pintar: Menggalakkan penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB), pengangkutan rendah karbon dan pembangunan infrastruktur hijau untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dan alam sekitar; dan
- (vi) Menutup jurang pembiayaan daya tahan (*resilience financing*): Mencadangkan mekanisme pembiayaan inovatif seperti bon hijau (*green bonds*) dan dana komuniti untuk melaksanakan projek berimpak tinggi terhadap daya tahan bandar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

25. Malaysian Healthy Ageing Society mengharumkan nama Pulau Pinang dalam pelaksanaan Age Friendly City seperti wawancara di Astro Awani. Apakah tindakan PBT dalam pelaksanaan agenda tersebut?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Dalam melaksanakan agenda Bandar Mesra Usia (Age-Friendly City) dan mengharumkan nama Pulau Pinang di peringkat kebangsaan serta antarabangsa, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menerbitkan Buku Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia Pulau Pinang (Pulau) pada tahun 2024 hasil kolaborasi dengan pelbagai agensi termasuk Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, Rapid Penang, serta pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) melalui siri sesi libat urus yang dijalankan sejak tahun 2023.

Pelaksanaan inisiatif ini telah membuahkan hasil apabila MBPP berjaya meraih Anugerah Prihatin Warga Emas sempena *Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan* pada 8 Oktober 2024, di samping menerima pelbagai jemputan ke seminar antarabangsa untuk berkongsi amalan terbaik Pulau Pinang dalam pembangunan bandar mesra usia.

Seterusnya, MBPP bersama Penang Women's Development Corporation (PWDC) turut terlibat dalam Sarawak International Conference for Ageing pada 28 hingga 29 Oktober 2025 bagi

mempromosikan Pulau Pinang sebagai negeri perintis dalam pelaksanaan Age-Friendly City.

Pulau Pinang juga akan menjadi tuan rumah kepada seminar "Mayor's Meeting on Strengthening WHO Healthy Settings Malaysia" pada 25 hingga 26 November 2025, anjuran bersama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertemakan "*Healthier Cities, Stronger Futures: Leadership and Action Across Healthy Settings.*"

Seminar ini akan menghimpunkan wakil-wakil daripada pelbagai negara ahli WHO seperti Australia, Singapura, Filipina dan Indonesia, sekali gus mengiktiraf Pulau Pinang sebagai negeri paling ke hadapan dalam menyelesaikan Fasa 1 pelaksanaan di bawah WHO-GNAFCC (Global Network for Age-Friendly Cities and Communities).

Tambahan juga, satu wawancara bersama Datuk Bandar MBPP akan diadakan pada 19 November 2025 bersama pihak Astro Awani. Intipati wawancara tersebut adalah berkenaan Buku Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia Pulau Pinang (Pulau), usaha dan komitmen MBPP dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah Bandar Mesra Usia serta hala tuju Pulau Pinang khususnya di bahagian Pulau sebagai sebuah bandar yang lebih mesra usia.

Selain itu, bagi memastikan kesinambungan usaha ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Mesra Usia menjelang tahun 2030, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan geran bagi tempoh 2025 hingga 2028 bagi pelaksanaan inisiatif Bandar Mesra Usia Seberang Perai melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

26. Senaraikan jumlah kebun komuniti Urban Farming dalam kawasan PBT.

(a) Nyatakan kos operasi dan hasil yang diperolehi.

YB FAHMI BIN ZAINOL

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Senarai kebun komuniti yang diluluskan pada tahun 2025 oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti di **LAMPIRAN A** manakala Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

(a) Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan secara *one off* kepada projek pembangunan komuniti (*urban farming*) di bawah pelbagai kategori termasuk sekolah, komuniti dan institusi. Peruntukan ini diberikan sebagai perbelanjaan modal (*capital expenditure*) untuk membiayai kos projek yang melibatkan pembinaan, perolehan dan naik taraf aset/peralatan atau pembaikan bagi memastikan projek tersebut dapat berfungsi apabila siap.

Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil pelbagai langkah proaktif dalam menyokong dan memperluas amalan pertanian bandar termasuk penyediaan tanah kosong milik MBPP kepada komuniti, persatuan penduduk dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk projek kebun komuniti. Sehubungan dengan itu, MBPP telah mengambil inisiatif menyediakan tapak *greenhouse* di Jalan

DS Ramanathan, Lebuhraya Rose yang akan menjalankan sistem penternakan ikan di bawah projek pertanian bandar (*Urban Fish Farming*) bersama pihak perunding dan pembekal dari Usains Infotech Sdn. Bhd. dengan melibatkan kos perkhidmatan perunding dan pembekal sebanyak RM99,357.84. Projek pemasangan sistem penternakan ikan dijangka bermula pada awal bulan November 2025 dan tempoh kontrak projek ini adalah selama 10 bulan. Selain itu, kos operasi sedia ada di Kebun Komuniti MBPP Lebuhraya Rose ini adalah berjumlah RM480,540.00. Manakala hasil bagi kebun komuniti di kawasan MBPP adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA KEBUN	HASIL SEBULAN (kg)
1.	Kebun Komuniti Lebu Padang Tembak, Air Itam	20 hingga 50
2.	Kebun Komuniti Taman Jajar Sungai Kelian, Tanjung Bungah	5 hingga 20
3.	Kebun Komuniti Jalan Sungai Emas, Batu Ferringhi	20 hingga 50
4.	Kebun Komuniti Sungai Nibong Pantai	5 hingga 20
5.	Kebun Komuniti Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Lebuhraya Rose, George Town	20 hingga 40

Selain itu, kos operasi dan hasil yang diperolehi oleh kebun komuniti di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah diuruskan oleh pihak komuniti sendiri dan tiada laporan yang dikemukakan kepada pihak MBSP.

LAMPIRAN A**SENARAI KEBUN KOMUNITI YANG DILULUSKAN TAHUN 2025 OLEH
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)**

BIL.	NAMA KEBUN	PENGUSAHA	JENIS TANAMAN
1.	Kebun Komuniti Lebu Padang Tembak, Air Itam	MPKK Jalan Padang Tembak	Sayuran berdaun dan herba
2.	Kebun Komuniti Taman Jajar Sungai Kelian, Tanjung Bungah	MPKK Sungai Kelian	Sayuran berdaun dan herba
3.	Kebun Komuniti Jalan Sungai Emas, Batu Ferringhi	MPKK Jalan Sungai Emas	Sayuran berdaun, herba dan pokok buah-buahan
4.	Kebun Komuniti Sungai Nibong Pantai	MPKK Sungai Nibong Pantai	Sayuran berdaun dan herba
5.	Kebun Komuniti Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Lebuhraya Rose, George Town	MBPP	Sayuran berdaun, herba, akuakultur dan penternakan <i>seagrapes</i>

LAMPIRAN B**SENARAI KEBUN KOMUNITI YANG DILULUSKAN TAHUN 2025 OLEH
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)**

BIL.	NAMA KEBUN	PENGUSAHA	DAERAH
1.	Thamby Kechil	20, Jalan Bunga Raya 1, Off Jalan Raja Uda	Seberang Perai Utara
2.	Taman Pandan	Lorong Bunga Rampai 3, Taman Pandan, Butterworth	Seberang Perai Utara
3.	Bomba Tasek Gelugor	Balai Bomba Tasek Gelugor	Seberang Perai Utara
4.	Dewan Bakau Tua	Dewan Dato Hj Ismail Che Chik, Jalan Kuala Muda, Bakau Tua	Seberang Perai Utara
5.	Dewan Taman Merbau Indah	Lorong Merbau Indah 13, Taman Merbau Indah	Seberang Perai Utara
6.	Pusat Sumner Alam Sekitar Desa Damai	Lorong Nangka 7, Taman Desa Damai	Seberang Perai Tengah
7.	Taman Bukit Kechil	Taman Bukit Kecil, Bukit Mertajam.	Seberang Perai Tengah
8.	Kawasan Rukun Tetangga Taman Keenways	Solok Mesra, Taman Keenways, Bukit Mertajam	Seberang Perai Tengah
9.	Kawasan Rukun Tetangga Taman Sentosa	Tingkat Sentosa, Taman Sentosa, Bukit Mertajam	Seberang Perai Tengah
10.	Taman Janggus Jaya	Lorong Janggus Jaya 1/3, Taman Janggus Jaya	Seberang Perai Tengah
11.	Taman Bukit Minyak	Jalan Bukit Minyak 2, Taman Bukit Minyak Indah	Seberang Perai Tengah
12.	Taman Puteri Gunung, Kepala Gajah	Lorong Putri Gunung 38, Taman Puteri Gunung	Seberang Perai Selatan

BIL.	NAMA KEBUN	PENGUSAHA	DAERAH
13.	Taman Tambun Indah	Lorong Tambun Indah 2, Taman Tambun Indah	Seberang Perai Selatan
14.	Dewan Bandar Cassia	Jalan Dedaun 1, Bandar Cassia	Seberang Perai Selatan
15.	Taman Murai Jaya	Lorong Murai Jaya 6, Taman Murai Jaya	Seberang Perai Selatan
16.	Taman Markisah	Lorong Markisah 2, Taman Markisah	Seberang Perai Selatan

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

27. Adakah George Town World Heritage Inc. berhasrat untuk mewartakan makanan Pulau Pinang dalam senarai warisan dunia?
- (a) Jika tidak, bolehkah satu inisiatif dapat dijalankan ke arah pewartaan tersebut?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dalam proses menyediakan strategi untuk mengangkat Gastronomi Pulau Pinang dalam senarai *UNESCO Creative Cities of Gastronomy*. Dua orang pakar Warisan Tidak Ketara di Malaysia, yang sekarang berkhidmat di GTWHI dalam proses menyediakan dokumen strategi dan bakal menjalankan kerja – kerja pelaksanaan di bawah seliaan YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif.
- (a) Untuk pewartaan makanan Pulau Pinang dalam senarai UNESCO, ianya boleh dilaksanakan melalui nominasi Warisan Tidak Ketara di bawah Konvensyen Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara 2003. Walau bagaimanapun, penyenaiaan ke Warisan Kebangsaan merupakan satu keperluan sebelum diangkat ke peringkat UNESCO.

Sehingga kini terdapat sebanyak 213 makanan tradisional di Malaysia yang telah diwartakan sebagai makanan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Daripada keseluruhan senarai tersebut, 29 makanan adalah merupakan makanan tradisi yang berkaitan dengan Pulau Pinang. Senarai makanan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri telah mencalonkan 10 makanan tradisional Negeri Pulau Pinang untuk diwartakan di bawah Akta 645. Makanan Tradisional tersebut ialah Nasi Kandar, Pasembur, Char Kue Kak, Mi Hokkien, Mi Udang, Mi Sotong, Mi Jawa, Kerabu Bihun, Oh Chien dan Roti Benggali.

Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri kini sedang menjalankan kajian makanan tempatan yang berpotensi untuk diwartakan sebagai Warisan di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14) dan seterusnya akan dicalonkan untuk diwartakan di bawah Akta 645.

LAMPIRAN A**Senarai Makanan Warisan yang Berkaitan Dengan Pulau Pinang
(Diwartakan di Bawah Akta 645)**

Bil.	Jenis Makanan	Tahun Pewartaan
1	Nasi Lemak	2009
2	Mi Mamak	2009
3	Laksa Asam	2009
4	Char Kuey Teow Pulau Pinang	2009
5	Halwa Sukun	2009
6	Yong Tau Fu	2009
7	Kari Kepala Ikan	2009
8	Teh Tarik	2009
9	Cendol	2009
10	Apam Balik	2009
11	Roti Canai	2009
12	Kurma Daging	2009
13	Bubur Cha-Cha	2012
14	Pulut Tekan dengan Seri Kaya	2012
15	Popia	2012
16	Pie Tee	2012
17	Choonpiah	2012
18	Kari Kapitan	2012
19	Ayam Pong Teh	2012
20	Gerang Asam	2012
21	Inche Kabin	2012
22	Kasui	2012
23	Rojak	2012
24	Keema	2012
25	Ais Kepal	2015
26	Kuih Ros	2015
27	Kuih Bangkit	2015
28	Sup Tulang	2015
29	Aiskrim Malaysia	2018

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

27. Adakah George Town World Heritage Inc. berhasrat untuk mewartakan makanan Pulau Pinang dalam senarai warisan dunia?
- (a) Jika tidak, bolehkah satu inisiatif dapat dijalankan ke arah pewartaan tersebut?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dalam proses menyediakan strategi untuk mengangkat Gastronomi Pulau Pinang dalam senarai *UNESCO Creative Cities of Gastronomy*. Dua orang pakar Warisan Tidak Ketara di Malaysia, yang sekarang berkhidmat di GTWHI dalam proses menyediakan dokumen strategi dan bakal menjalankan kerja – kerja pelaksanaan di bawah seliaan YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif.
- (a) Untuk pewartaan makanan Pulau Pinang dalam senarai UNESCO, ianya boleh dilaksanakan melalui nominasi Warisan Tidak Ketara di bawah Konvensyen Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara 2003. Walau bagaimanapun, penyenaiaan ke Warisan Kebangsaan merupakan satu keperluan sebelum diangkat ke peringkat UNESCO.

Sehingga kini terdapat sebanyak 213 makanan tradisional di Malaysia yang telah diwartakan sebagai makanan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Daripada keseluruhan senarai tersebut, 29 makanan adalah merupakan makanan tradisi yang berkaitan dengan Pulau Pinang. Senarai makanan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri telah mencalonkan 10 makanan tradisional Negeri Pulau Pinang untuk diwartakan di bawah Akta 645. Makanan Tradisional tersebut ialah Nasi Kandar, Pasembur, Char Kue Kak, Mi Hokkien, Mi Udang, Mi Sotong, Mi Jawa, Kerabu Bihun, Oh Chien dan Roti Benggali.

Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri kini sedang menjalankan kajian makanan tempatan yang berpotensi untuk diwartakan sebagai Warisan di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14) dan seterusnya akan dicalonkan untuk diwartakan di bawah Akta 645.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

28. Adakah Kerajaan Negeri akan membantu Penang Port untuk menjadikan pelabuhan negeri ini sebagai *home port* kapal persiaran dunia seperti di Singapura?
- (a) Nyatakan cabaran pelaksanaannya.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyokong sepenuhnya usaha menjadikan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai *home port* bagi kapal persiaran antarabangsa, sejajar dengan aspirasi untuk memperkukuh kedudukan negeri ini sebagai hab pelancongan maritim utama di rantau Asia Tenggara. Inisiatif ini berpotensi membawa limpahan ekonomi yang besar kepada sektor pelancongan, peruncitan, logistik dan hospitaliti di Pulau Pinang, khususnya melalui pertambahan tempoh tinggal dan perbelanjaan pelancong.

Pada tahun 2025, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut memberikan sokongan terhadap penganjuran *CruiseWorld Malaysia* yang diadakan di Pulau Pinang buat pertama kalinya. Program ini menjadi platform penting bagi memperkukuh promosi sektor pelancongan kapal persiaran serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan pemain industri mengenai potensi Pulau Pinang sebagai destinasi pelayaran antarabangsa dan pusat operasi pelancongan maritim serantau.

Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama rapat dengan Penang Port Sdn. Bhd., Kementerian Pengangkutan Malaysia serta agensi-agensi berkaitan bagi meneliti potensi dan keperluan pembangunan infrastruktur pelabuhan secara menyeluruh. Tumpuan utama akan diberikan kepada naik taraf kemudahan fizikal, penyelarasan pentadbiran pelabuhan, serta strategi pemasaran antarabangsa bagi merealisasikan hasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai *Home Port of Choice* bagi kapal persiaran di rantau ini pada masa hadapan.

- (a) Pelaksanaan inisiatif ini berdepan dengan beberapa cabaran utama, antaranya adalah seperti berikut:
 - (i) Keperluan menaik taraf infrastruktur pelabuhan, termasuk terminal penumpang, sistem pengurusan bagasi, ruang berlepas dan ketibaan, serta kemudahan sokongan lain bagi menampung operasi kapal persiaran berskala besar;
 - (ii) Penyelarasan antara agensi pelaksana yang melibatkan Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, MAQIS dan Penang Port Sdn. Bhd., memerlukan mekanisme operasi bersepadu bagi melancarkan proses pelepasan dan ketibaan penumpang; dan
 - (iii) Keperluan strategi promosi dan insentif jangka panjang bagi menarik minat syarikat pelayaran antarabangsa untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai pangkalan utama *home port* mereka di rantau ini.